



قلنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 4

RABU 27 JANUARI, 1988.

رابو 8 جمادى الآخر 1408

PERCUMA

128 kes perceraian dilaporkan 1986 Kurang sefahaman punca utama

OLEH TIMBANG BAKAR

BANDAR SERI BEGAWAN 17 Jan. — Tidak bersefahaman di antara suami dan isteri merupakan faktor utama yang menyebabkan perceraian di kalangan pasangan umat Islam di negara ini.

Menurut daftar perceraian di Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Daerah Brunei dan Muara dari tahun 1981-1986, tidak bersefahaman di kalangan suami dan isteri merupakan punca perceraian yang paling banyak berlaku.

Dalam tahun 1986 saja 128 kes perceraian telah berlaku; 55 daripadanya berpunca dari tidak bersefahaman, suami berpoligami menyebabkan 26 perceraian, isteri derhaka 23, suami ghaib atau cuai 17, isteri curang 4 dan selebihnya sebab-sebab lain.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Awang Haji Salim bin Haji Besar, Timbalan Kadi Besar semasa membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Perceraian, Sebab-sebab dan Cara Mengatasinya" dalam Seminar Kefahaman Keluarga Islam anjuran Pusat Dakwah Islamiah baru-baru ini.

Daerah Brunei dan Muara juga didapati kes perceraian yang terbanyak iaitu 128 berbanding dengan daerah-daerah lain: 38 di Kuala Belait, 29 di Tutong dan hanya 2 di Temburong sepanjang tahun 1986.

Berikutan dengan kes-kes perceraian tersebut ramai anak-anak telah menjadi mangsa dari pasangan-pasangan yang terlibat.

Sepanjang tahun 1976 — 1981 dari 307 perceraian di Daerah Brunei dan Muara telah melibatkan 690 orang anak-anak; dari 148 perceraian di Kuala Belait melibatkan 243 orang anak-anak; 41 perceraian di Tutong melibatkan 76 orang anak-anak dan 18 perceraian di Temburong melibatkan 42 orang anak-anak. Ini membawa jumlah 514 perceraian dan melibatkan 1051 orang anak-anak.

Menurut Awang Haji Salim faktor-faktor yang membawa kepada terjadinya perceraian itu adalah seperti berikut:

- * Ketiadaan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip berumah tangga.
- * Perkahwinan dalam masa muda.
- * Campur tangan keluarga.
- * Masalah ekonomi di dalam rumah tangga.
- * Suami melepaskan perkataan cerai dan talak disebabkan kurang pengetahuan mengenainya.

PETIKAN TITAH

“BETA ingin mengingatkan kepada kerajaan beta dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab bahawa penyebaran syiar Islam di negara ini hendaklah dijalankan dengan tulus ikhlas, dan jangan sampai agama itu digunakan untuk menutup suatu kelemahan atau kekhilafan dalam pentadbiran ataupun digunakan untuk kepentingan perseorangan.”

Dititahkan semasa Majlis Mengadap di Lapau pada 15 Ogos 1982 sempena hari keputeraan baginda ke-36 tahun.

- * Pekerja-pekerja asing sementara berkahwin dengan gadis-gadis tempatan kemudian meninggalkan isterinya.
- * Perkahwinan terdesak akibat perbuatan maksiat.
- * Perbezaan umur yang jauh di antara suami isteri.
- * Kerana penyakit seperti lemah tenaga batin, sakit jiwa atau sakit otak.
- * Perkahwinan yang tidak direstui oleh keluarga dari kedua belah pihak.

Lihat muka 20



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit menyampaikan piala kepada johan qari, Awang Mahmud bin Abu Bakar. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Air kemerah-merahan terdapat di Perairan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyiasatan-penyiasatan yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan menunjukkan bahawa terdapat plankton-plankton air kemerah-merahan dalam kadar yang tinggi di perairan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak memakan kerang-kerangan, ikan tamban dan ikan-ikan yang menyerupai ikan ini seperti ikan aur-aur

sehingga diberitahu kelak.

Sebagai langkah tambahan, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk membuang insang dan lain-lain organ dalam semua ikan sebelum memasaknya.

Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan Jabatan Perikanan sedang mengawasi keadaan ini dan akan memaklumkan orang ramai jika ada perkembangan-perkembangan lain.

Tingkatkan taraf kualiti, produktiviti

Oleh : Ahat Hj. Ismail

BERAKAS 20 Jan. — Ke arah meningkatkan taraf produktiviti dan kualiti, kita seharusnya berusaha dengan gigih mengikut

peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan sentiasa mengingati amanat yang dipertanggungjawabkan.

Demikian telah ditegaskan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, Timbalan Menteri Pembangunan ketika berucap merasmikan pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran antara jabatan-jabatan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan bertempat di Dewan Muhibbah di sini.

“Bila kita disuruh bekerja 8 jam sehari atau 42 jam seminggu maka itu adalah amanat yang harus kita laksanakan,” tegasnya.

Detik-detik yang kita lalui itu tambahnya, akan diberi ganjaran dan setiap detik kita mensiasikannya akan dikira telah mungkir janji dan tidak amanah.

Lagi berita dan gambar-gambar disiarkan di muka 3

MANISNYA IMAN

“KAMU telah dilalaikan daripada mengerjakan amal bakti oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya harta benda, anak-pinak, pangkat dan pengaruh sehingga kamu masuk kubur. Jangan sekali-kali bersikap dengki! Kelak kamu akan mengetahui akibatnya yang buruk semasa hendak mati.” — Maksud Surah At-Takasur ayat 1 — 3.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

27 JANUARI, 1988

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

REAKSI TERHADAP KEANGKUHAN ISRAEL

ERA kebangkitan rakyat Palestin yang mendiami khemah-khemah di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza yang dirampas oleh Yahudi telah mengejutkan masyarakat dunia. Masyarakat Islam khususnya dalam Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) telah memperlihatkan perhatiannya dengan mengisytiharkan hari Jumaat 15 Januari, 1988 sebagai Hari Perpaduan Dengan Kebangkitan Rakyat Palestin. Tetapi malangnya hari tersebut yang diisytiharkan hasil dari mesyuarat tergempar OIC di Morocco pada 5 Januari itu, telah dicemari oleh sikap angkuh regim Tel Aviv yang memang sentiasa bertindak zalim. Pada hari tersebut askar-askar Yahudi yang bersenjata telah menyerbu dan melepaskan tembakan gas pemedih mata ketika umat Islam selesai sembahyang di dua buah masjid, di Haram Es-Sharif dan di Masjid Al-Aqsa di Baitul Mukaddis.

Akibat dari kebangkitan yang mencetuskan kekacauan dan penentangan rakyat Palestin terhadap regim Tel Aviv yang bermula sejak 9 Disember, 1987 itu seramai 39 orang rakyat Palestin dilaporkan telah dibunuh oleh tentera Yahudi. Tetapi Ketua Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Tuan Yassir Arafat pula menyatakan seramai 75 orang rakyatnya telah dibunuh.

Beliau berkata keganasan Israel sebagai suatu 'jenayah yang sudah tiba pada kemuncaknya apabila askar-askarnya menyerang rakyat Palestin yang sedang bersembahyang di hampir semua masjid'.

Dari kebangkitan rakyat Palestin itu serta tindakan kejam menumpas secara bersenjata yang dilakukan oleh tentera Yahudi itu, dunia antarabangsa telah memperlihatkan berbagai reaksi marah dan kesal, lebih-lebih lagi tindakan mengusir empat orang rakyat Palestin oleh Israel. Mesir, satu-satunya negara Arab yang mengadakan perdamaian dengan Israel, menegaskan tindakan mengusir rakyat Palestin itu sebagai mengancam proses penyelesaian di Timur Tengah dan mencabuli undang-undang antarabangsa.

Di Geneva, Suruhanjaya Juri Antarabangsa (ICJ) dilaporkan sebagai memuji Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengancam tindakan Israel menghalau rakyat awam Palestin. Suruhanjaya tersebut juga menegaskan sejak 1985 sebanyak 40 kejadian menghalau rakyat Palestin telah dilakukan oleh Israel.

Di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Amerika Syarikat bersama-sama dengan lain-lain anggota tetap Majlis Keselamatan telah memperlihatkan sikap positif dan telah tidak menggunakan 'kuasa pembatal'nya ketika Majlis Keselamatan membuat undi ketetapan mengancam Israel supaya membatalkan perintah menghalau rakyat Palestin.

Tindakan kejam Israel ke atas rakyat Palestin di Tebing Barat dan semenanjung Gaza telah juga menerima bantahan-bantahan dalam negeri. Kerajaan Israel telah dituntut supaya mengadakan perlembagaan untuk melindungi hak-hak asasi manusia. Seorang anggota kanan Parti Likud yang memerintah, Shlomo Lahat yang juga Datuk Bandar Tel Aviv turut membuat kecaman serius terhadap dasar Israel di wilayah yang didudukinya sejak tahun 1967 yang dikatakannya sebagai membebaskan Israel.

Di negara kita pula, penyeksan dan pencabulan hak asasi rakyat Palestin di wilayah-wilayah yang diduduki oleh Israel mendapat perhatian dan simpati. Rakyat dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah bersama dunia antarabangsa mengutuk sikap kejam Yahudi ke atas rakyat Palestin yang telah bangkit menentang kezaliman Yahudi. Perhatian dan simpati berkenaan telah kita lahirkan melalui Khutbah Jumaat pada 15 Januari lalu sepertimana yang diminta oleh OIC.

Sebagai negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan OIC, Negara Brunei Darussalam telah menjelaskan sokongan dan perhatian yang sebenarnya terhadap perjuangan dan hak asasi rakyat Palestin untuk menentukan penubuhan kerajaan mereka sendiri. Negara kita telah mengiktiraf Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) sebagai pertubuhan yang sah mewakili rakyat Palestin untuk hadir ke meja perundingan bagi menghuraikan pertikaian Arab-Israel. Bagaimanapun kerana kedegilan dan keangkuhan Israel proses perdamaian yang diharapkan oleh dunia antarabangsa terus terhalang.

Keangkuhan, kedegilan dan kezaliman Israel terhadap rakyat Palestin sememangnya bukan suatu yang samar-samar lagi. Malah sikap tentera Israel mencerooboh tempat-tempat awam dan yang perlu dilindungi juga sering memedihkan mata dan hati masyarakat antarabangsa. Israel dengan segala kekuatan tentera yang ada padanya dan melalui bumi Palestin yang dirampasnya pada tahun 1948, secara sewenang-wenangnya telah melakukan beberapa tindakan agresif ke atas rakyat dan bumi negara-negara Arab di sekelilingnya cuma atas alasan 'untuk melindungi keselamatan dirinya'.

Kini masyarakat dunia semakin bimbang, marah serta kesal kerana sehingga kini Israel masih belum mahu mengubah sikap terhadap rakyat Palestin dan negara-negara Arab jirannya. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sebuah badan dunia yang bertanggungjawab membina dan mewujudkan keamanan antarabangsa terus berikhtir merumuskan berbagai strategi dan formula ke arah menyelesaikan kekacauan yang dibangkitkan oleh Israel. Berjayakah PBB mencapai matlamat keamanan itu adalah suatu soalan yang masih belum dapat diramalkan kerana ia juga banyak bergantung kepada sikap Israel sendiri dan penyokong-penyokongnya yang turut memainkan peranan sebagai faktor penentu.

Usaha cari sumber tenaga alternatif perlu dipergiat

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah dengan kerjasama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan pembukaan Persidangan Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN. Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta persidangan ini ke Brunei Darussalam.

PUJA mula ditubuhkan pada bulan Januari 1984 dan untuk pertama kalinya menyertai Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN (CAFEO) dalam bulan Oktober 1986. Oleh kerana itu dengan mengamanahkan PUJA sebagai tuan rumah persidangan pertubuhan yang ke-6 ini merupakan satu pencapaian yang amat besar.

Meskipun persidangan ke-6 ini diadakan dalam bulan Oktober tahun lepas, dengan mengadakannya ketika ini sejurus selepas selesainya Sidang Kemuncak ASEAN di Manila dengan jayanya, memberikan persidangan ini maksud dan motivasi yang khusus iaitu yang ditimbulkan dari kenyataan yang diulangi oleh para pemimpin ASEAN akan kewajipan mereka terhadap ASEAN dan khususnya terhadap langkah-langkah yang mereka amalkan yang diharapkan akan dapat melahirkan satu era baru dalam kerjasama ekonomi.

Perkembangan ekonomi bergantung kepada tenaga. Dengan mengakui kepentingannya, negara-negara anggota ASEAN telah meletakkan satu asas yang awal dalam bidang kerjasama tenaga bilamana mereka menandatangani Skim Berkongsi Minyak dalam tahun 1977. Skim ini memberi bantuan kepada anggota-anggota ASEAN seandainya berlaku kekurangan yang sangat genting atau lebih bekalan. Walaupun keadaan ini tidak menyebabkan negara-negara anggota membuat rayuan terhadap perjanjian ini, ianya jelas menunjukkan kesediaan mereka untuk memberikan kerjasama yang berkesan. Peristiwa penting ini tidak pula luput dan dalam tahun 1986 Perjanjian Keselamatan Minyak ASEAN ditandatangani yang memberi kewajipan secara kolektif untuk membekal minyak bila kekurangan yang sangat genting berlaku. Perjanjian ini juga menyelesaikan masalah lebih bekalan. Justeru itu dalam bidang kerjasama tenaga, tidak pula terdapat kekurangan dalam arah rasmi.

Masalah tenaga bukan sahaja menitikberatkan soal bekalan dan harga minyak dalam kedua-dua hal ini mana-mana negara anggota ASEAN tidak dapat mempengaruhi kedua-dua keadaan ini dan hanya dapat bertindak terhadapnya, malahan ianya juga termasuk keseluruhan teknologi penerokaan dan pengeluaran, penyelidikan dan perkembangan dalam bentuk tenaga alternatif dan penggunaan mereka dengan masalah yang mengiringinya berhubung dengan alam sekitar. Meskipun beberapa bentuk tenaga boleh dianggap bersih ada pula yang mengakibatkan bahaya persekitaran yang amat besar. Dalam menghadapi soal keselamatan tenaga kita tidak patut mengeneipkan masalah yang lebih mendalam yang menjejaskan alam sekitar kita. Oleh yang demikian tema dalam persidangan ke-6 ini — "Tenaga dan Alam Sekitar" lebih-lebih lagi yang bersesuaian dengan 'latarbelakang arah baru dalam kerjasama ekonomi yang diisytiharkan dalam Sidang Kemuncak ke-3 di Manila dan krisis tenaga berterusan yang akan menjadi amat genting menjelang tahun 2,000.

Memandangkan tahun 2,000 semakin menghampiri kita, adalah wajar untuk mengingati diri kita terhadap masalah yang akan ditempuhi. Dunia dalam tahun 2,000 tidak akan menjadi tempat yang lebih baik untuk didiami. Dengan bertambah ramainya bilangan penduduk dan jurang yang semakin meluas dan di antara negara-negara kaya dengan kemajuan teknologi dan negara-negara miskin yang kurang maju akan menimbulkan ketegangan yang serius terhadap segala sumber asli yang membawa kepada risiko pencemaran yang serius dan keadaan alam sekitar yang semakin buruk. Apa yang sebenarnya terjadi terhadap sumber asli pada umumnya adalah benar juga terhadap sumber tenaga khususnya.

Di tengah-tengah masalah tenaga ialah kepastian yang mutlak bahawa bekalan minyak akan mula menurun dan



SABDA ucapan penuh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang ketika merasmikan Persidangan Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN kali ke-6 bertempat di Pusat Dakwah Islamiah pada 13 Januari, 1988.

berkurangan dalam sedikit masa lagi. Oleh yang demikian usaha untuk mencari sumber tenaga alternatif mestilah dipergiatkan lagi dengan memajukan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan juga mempergunakan potensi yang meluas dari matahari, angin dan air. Bagaimanapun bagi negara-negara yang membangun, kekurangan teknologi dan sumber kewangan akan menyebabkan mereka terus bergantung kepada minyak dan yang demikian mengekalkan kedudukan negara-negara yang lebih kaya dan berkuasa melainkan terdapat satu perubahan yang sangat penting terhadap sistem ekonomi dunia masakin.

Persidangan ini yang dikelolakan oleh pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili bidang kerja kejuruteraan akan dapat membincangkan topik-topik ini yang bebas dari desakan politik dan para peserta saintis akan dapat membincangkannya dengan penuh keadilan yang mengatasi kepentingan dan sempadan negara. Oleh itu saya yakin bahawa persidangan ini akan memenuhi matlamat yang telah ditetapkan oleh para pemimpin ASEAN dalam kedua-dua buah Perjanjian Tenaga yang saya sebutkan awal tadi dan terhadap pengisytiharan baru-baru ini di Sidang Kemuncak Manila iaitu dengan meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang tenaga. Saya yakin persidangan ini akan berjaya menghasilkan pendapat-pendapat dan mencapai kata sepakat yang akan memberi faedah kepada kita semua di rantau ASEAN.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyatakan bahawa Brunei Darussalam menganggapnya sebagai satu penghormatan yang besar kerana menjadi tuan rumah bagi persidangan yang genting ini dan saya berharap agar para peserta yang terkemuka dari negara-negara ASEAN yang lain terutama sekali bagi mereka yang datang ke negara ini untuk pertama kalinya akan berpeluang melawat beberapa tempat menarik di Brunei Darussalam dan sementara mereka berada di negara ini saya berharap para peserta akan merasakan seperti berada di tanahair sendiri. Dengan kata-kata ini dan "Bismillahir Rahmanir Rahim" saya isytiharkan pembukaan Persidangan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN ke-6 ini (CAFEO-6).

Proses pemilihan jabatan terbaik akan diperkenal

Dari muka 1

Di majlis tersebut, Dato Paduka Awang Haji Selamat juga mengumumkan bahawa Kementerian Pembangunan akan menjalankan proses pemilihan dan pemberian hadiah kepada tiga buah jabatan yang terbaik bagi jabatan-jabatan di bawah kementerian tersebut.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Selamat Haji Munap, skim itu adalah salah satu rancangan di dalam kempen produktiviti dan kualiti (P & Q) bagi menggalakkan mutu pengurusan tinggi, pengurusan menengah, dan mutu pekerja biasa.

Katanya, "Proses pemilihan akan melibatkan pungutan suara dari orang awam bagi mendapatkan pandangan umum dan juga satu jawatankuasa tertinggi penilaian mengikut kriteria yang tertentu bagi memilih jabatan-jabatan yang telah menunjukkan nilai-nilai dan ciri-ciri amalan produktiviti dan kualiti di segi perkhidmatan terhadap orang-orang awam dan juga di segi pengurusan jabatan tersebut pada mengendalikan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan."

Sehubungan dengan itu, beliau berharap skim pemilihan dan pemberian hadiah itu tidak akan dianggap negatif oleh kakitangan-kakitangan jabatan-jabatan yang berkenaan, malahan ianya

disambut sebagai satu cabaran untuk maksud memperkemaskinikan lagi perkhidmatan dan pengurusan di jabatan-jabatan dalam kementerian.

YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail Menteri Pembangunan beserta dengan jemputan-jemputan khas yang lain ketika menghadiri pertandingan pada malam itu (atas kanan).



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PILIH WAKIL

Oleh Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar oleh Pg.
Bahar PHO dan Harun Rashid

BERAKAS 21 Jan. — Awang Mahmud bin Abu Bakar dan Dayang Nooreidah binti Haji Abdul Hamid akan mewakili Kementerian Pembangunan ke pertandingan membaca

Al-Quran antara kementerian yang akan diadakan kemudian.

Awang Mahmud yang mewakili ibu pejabat Kementerian Pembangunan memperoleh markah sejumlah 86 peratus manakala Dayang Nooreidah yang mewakili Jabatan Kemajuan Perumahan memperoleh markah sejumlah 82 peratus. Johan lelaki dan wanita masing-masing menerima piala rebutan sumbangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pelajaran. (bekas Menteri Pembangunan).

Peserta lelaki dan wanita dari Jabatan Elektrik, Awang Ahad Haji Matasim dan Dayang Hajjah Fatimah Haji Mohd. Salleh menjadi naib juara dan peserta dari Jabatan Ukur, Awang Haji Masri bin Haji Idris dan Dayang Rosinah Haji Amit menduduki tempat ketiga.

Sejumlah 18 orang peserta lelaki dan wanita dari Jabatan-jabatan Ukur, Perhutanan, Perikanan, Kerja Raya, Kemajuan Perumahan, Tanah, Pertanian, Elektrik, Perancang Bandar dan Desa serta ibu pejabat Kementerian Pem-

bangunan menyertai pertandingan kali kedua itu.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit.

Sementara itu, Pengarah Pertanian, Dato Paduka Danial Haji Hanafiah yang juga Pengerusi Pertandingan dalam ucapan alu-aluannya berkata, tema yang berbunyi

'Hidup Bermutu dan Maju Tuntutan Al-Quran' adalah sesuai dalam kita menghadapi cabaran dalam menguatkan tekad dan kesedaran kita bagi sama-sama menyumbangkan bakti untuk negara.

"Tema ini," katanya, "adalah diharapkan akan menjadi satu pendorong dan menjadi satu pegangan kita semua dalam mendisiplinkan diri untuk melaksanakan kewajiban dan tugas kita sehari-hari."

Majlis forum mengenai Sastera di Brunei Abad ke-21 anjuran ASTERAWANI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Forum mengenai "Sastera di Brunei Abad Ke-21" anjuran Persatuan ASTERAWANI akan diadakan pada Januari di Dewan Bahasa dan Pustaka bermula 7.30 malam.

Para penal forum tersebut terdiri dari Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Dr. Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin,

Pengetua Pusat Sejarah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri, Pensyarah Universiti Brunei Darussalam, Profesor Tengku Iskandar dan Ketua I ASTERAWANI, Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.

Semua ahli Persatuan ASTERAWANI dan para peminat sastera tanahair dipersilakan menghadirinya.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Selamat ketika berucap merasmikan pertandingan membaca Al-Quran antara Kementerian Pembangunan.



J-kuasa Pelaburan Bersama ditubuh

NEGARA Brunei Darussalam pada minggu lalu telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Bersama dengan Masyarakat Eropah (E.C). Pelancaran penubuhan jawatankuasa tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bertempat di Bangunan Kementerian Kewangan pada 16 Januari lalu.

Penubuhan jawatankuasa itu merupakan lanjutan hasil daripada sidang Menteri-Menteri ASEAN dan Masyarakat Eropah kali ke-6 yang berlangsung di Jakarta dua tahun lalu.

Gambar kelihatan jawatankuasa berkenaan ketika mengadakan mesyuarat tertutup dengan dipengerusikan bersama oleh Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie, Pengarah Unit Perancang Ekonomi bagi pihak Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Dr. Eckart Cuntz, Duta Besar Republik Persekutuan Jerman bagi pihak Masyarakat Eropah. Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-417

MEMBERI BANTUAN KEPADA ORANG YANG NAIK HAJI DARI WANG BUNGA

Sambungan minggu lalu

3. Dari nas yang di atas ini menjadi suatu dalil bahawa tiada sah bersedekah dengan wang bunga, wang interes, wang riba dan harta riba kerana wang dan harta seperti wang dan harta bunga itu adalah hak kepunyaan Baitulmal umat Islam, bukannya kepunyaan seseorang. Wang bunga itu harta yang hilang dan tiada diketahui tuan punya pada adat dan jadi ia kepunyaan umat Islam dan maslahat umat Islam.

Kiranya seseorang Islam hendak bersedekah, berderma dan hibah memberi orang adalah sah sedekah dan derma dan hibah itu dari harta dan wang orang itu sendiri tiada dengan harta orang lain.

Dengan berbuat begitu baharulah dapat sunat dan

memperolehi pahala yang besar daripada Allah Taala. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 yang tafsirnya: Umpama membelanjakan harta-harta oleh mereka yang membelanjakan pada berbuat taat kepada Allah dan pada jalan Allah Taala umpamanya sebiju benih gandum telah menumbuhkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu seratus biji gandum, maka begitulah belanja mereka digandakan pahalanya sehingga tujuh ratus ganda (ertinya dibelanjakan satu sen pada berbuat taat kepada Allah diberi dan dikurniakan sehingga tujuh ratus ganda pahala mengikut kadar halal dan kadar bersih niat dan ikhlas dan jauh dari ria dan menunjuk-nunjuk), dan Allah Taala

akan mengurniakan berganda-ganda pahala lebih dari tujuh ratus ganda pahala itu menurut kadar taat, kadar halal harta dan kadar pemberi dan penerima, menurut suka dan kehendak Allah yang menentukan dan mengurniakan ganda pahala itu, dan Allah Taala itu Yang Maha Kuasa limpah kelebihan dan anugerah-Nya, lagi Yang Maha Mengetahui kepada siapa yang berhak dan layak menerima anugerah ganda pahala-Nya itu. Dari Tafsir Al-Jalalain.

4. Adapun bunga, interes dan riba yang ada di tangan seseorang Islam itu dan ia berikan pada maslahat umat Islam, mana yang lebih maslahat dan lebih utama umpamanya kepada orang yang berhajat dan terdesak meminta bantuan dan pertolongan dan orang

fakir, orang miskin, itu cuma melepaskan tanggungjawabnya dari wang bunga dan harta interes dan riba itu kerana wang seperti wang bunga itu, wajib dan mesti diserahkan dan dilepas dari tanggungan pada maslahat umat Islam atau pada Baitulmal umat Islam atau pada Baitulmal umat Islam.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 276 yang tafsirnya: Allah Taala akan mengurangkan harta riba dan menghilangkan pertumbuhannya, dan Allah Taala akan membanyakkan harta yang ada padanya sedekah, dan menyuburkannya, dan menambah-nambahkannya pahalanya, dan Allah Taala tiada sukakan tiap-tiap orang kafir yang menghalalkan riba, yang jahat makan riba yakni Allah

Bahagian terakhir

akan menyiksanya dan orang Islam yang menghalalkan perkara yang nyata dan terang akan halal atau haramnya dalam agama Islam seperti haram riba maka ia menjadi orang murtad dan ia keluar dari Islam dan tercerai isteri daripadanya. Dari tafsir Al-Jalalain.

Ringkasannya: Jika seseorang ada di tangannya wang bunga dan interes dan wang riba dan ia hendak membelanjakan wang bunga pada meramaikan Kaabah dan mengumrahkannya pada tiap-tiap tahun dan pada bantuan orang haji yang berhajat, itu cuma melepaskan tanggungjawabnya dari wang Baitul-



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

mal orang Islam dan bukan sedekah atau bukan derma atau bukan pemberian daripadanya kerana sedekah, derma, hibah, pemberian hanya sah dan lulus pada syarak dari harta milik sendiri, tidak dari harta orang.

Dan lagi firman Allah Taala dalam Surah Al-Maaidah ayat 27 yang tafsirnya: Hanya sanya Allah Taala akan menerima amal ibadat dan sedekah itu daripada orang-orang yang bertakwa yang takutkan Allah Taala. Dari Tafsir Al-Jalalain.

Orang yang menjalankan riba bukan orang yang takutkan Allah Taala menurut ayat di atas ini.

WALLAHUAKLAM

Kurang disiplin dalam keluarga boleh timbulkan masalah sosial

BERAKAS. — Pemangku Pengarah Hal-Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin berkata, akibat disiplin yang tidak mantap dalam sesebuah keluarga boleh menimbulkan masalah sosial seperti menagih dadah di kalangan anak-anak.

Menurutnya, untuk mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia mengikut Islam kewajipan dan tanggungjawab tiap-tiap anggota keluarga bukan hanya sekadar berbentuk lahiriah dan perkara-perkara seperti makan, minum, pakaian atau kediaman, tetapi juga memerlukan tanggungjawab serta kebijaksanaan menadbir, pengurusan yang baik, perlaksanaan, kewangan, pengawasan keselamatan, disiplin dan sebagainya.

"Disiplin yang tidak mantap akibatnya anak-anak akan menjadi penagih dadah, sebab kita membicarakan anak-anak bergaul dengan orang-orang jahat, demikian juga sebab berbagai kejahatan semua berpunca daripada disiplin yang longgar dan landir," katanya.

Oleh Haniza Abdullah

Berucap di Majlis Kursus Kefahaman Keluarga Islam bagi 177 orang pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di Pusat Dakwah Islamiah di sini Ahad lepas, Awang Haji Suhaili menyeru supaya keluarga masyarakat Islam mengamalkan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan seharian seperti sembahyang berjemaah, kerana ianya lebih besar faedahnya dari sembahyang bersendirian.

Sebuah kertas kerja mengenai sebab-sebab penceraian dan cara-cara mengatasinya telah dibentangkan oleh Timbalan Kadi Besar, Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Kursus seumpama itu adalah kali ketiga dianjurkan oleh Bahagian Hal-Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dengan tujuan untuk memberikan penerangan kepada pasangan suami isteri tentang kewajipan dan tanggungjawab suami isteri dalam rumahtangga untuk membina keluarga yang bahagia dan sejahtera mengikut Islam.



DENGAN penuh perhatian para peserta mendengarkan ceramah mengenai sebab-sebab penceraian dan cara-cara mengatasinya yang dibentangkan oleh Timbalan Kadi Besar, Haji Salim Haji Besar. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 27 Januari hingga ke hari Selasa 2 Februari 88 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Januari												
27	12.35	3.55	3.56	6.29	6.30	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.35	6.36
28	12.35	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.35	6.37
29	12.36	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.36	6.37
30	12.36	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.36	6.37
31	12.36	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37
Februari												
1	12.36	3.55	3.56	6.31	6.32	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37
2	12.36	3.55	3.56	6.31	6.32	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.36	6.37

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MARILAH kita sama-sama mempertingkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah dan memperdalamkan iman kita kepada-Nya dengan sentiasa mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya.

Dalam khutbah kali ini kita ingin menjelaskan sedikit mengenai dua istilah yang biasa digunakan tetapi semua orang tidak dapat mentafsirkannya dengan betul dan tepat. Istilah yang dimaksudkan ialah 'Islam' dan 'Muslim'.

Setengah orang beranggapan bahawa kedua-dua istilah tersebut membawa makna yang sama sedangkan pada hakikatnya kedua-dua istilah itu adalah berbeza walaupun mempunyai hubungan yang sangat rapat.

'Islam' adalah agama ciptaan Allah Azzawajalla yang prinsipnya diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui wahyu yang disampaikan oleh Malaikat Jibril sama ada berbentuk ayat-ayat suci Al-Quran atau hadis dan sebagainya. Dengan ini jelaslah bahawa agama Islam bukanlah ciptaan manusia, bukan ciptaan ulama bukan ciptaan pendita, bukan ciptaan malaikat hatta bukan ciptaan Nabi tetapi adalah ciptaan Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Sebab itu prinsip-prinsip Islam merangkumi semua aspek kehidupan yang sesuai dengan kejadian manusia di semua tempat dan zaman, prinsip-prinsip Islam tidak berubah, tidak akan berubah dan tidak boleh diubah mengikut selera zaman. Islam sejak ia lahir adalah sama dengan Islam hari ini. Jangan tukar gantikan Islam mengikut kehendak zaman dan hawa nafsu sendiri, sebaliknya sesuaikanlah diri dengan kehendak dan prinsip Islam.

Sebagai misalan, sembahyang fardu di zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lima waktu sehari semalam pada hari ini pun walaupun zaman moden, di zaman pembangunan, zaman teknologi, zaman sibuk, masih tetap lima waktu juga, jangan kurangkan, ia tetap lima.

Misal yang lain, di zaman Nabi, zakat fitrah dan zakat adalah wajib atas mereka yang cukup rukun dan syarat-syaratnya dan sampai sekarang pun masih wajib, jangan kata sistem cukai boleh menggantikan sistem zakat sebab sistem cukai tidak sama dengan sistem zakat.

Demikianlah Islam sebagai agama tetap bertahan dan tidak mungkin berubah dengan perkembangan manusia dan perubahan keadaan dan suasana.

Istilah 'Muslim' pula bererti orang Islam, orang yang mengaku dirinya beragama Islam, yang macam ini berubah-ubah, tidak sama di antara satu dengan lain. Orang Islam zaman Nabi mungkin ada bezanya dengan orang Islam zaman ini dari segi kekuatan iman dan ketakwaan kepada Allah. Sebagai contoh, orang Islam zaman Nabi takut dan tidak berani melawan Allah sebaliknya mereka sentiasa patuh, taat kepada suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sebab itu mereka dikasihi Allah dan sentiasa mendapat pertolongan dan rahmat Allah. Allah tahan dan tangguhkan bala supaya jangan menimpa mereka.


DUKACITA adalah satu daripada perasaan buruk yang amat merbahaya kepada diri seseorang. Apabila dibiarkan tumbuh di dalam jiwa dan tidak segera diubah, ianya akan boleh membinasakan tubuh badan yang menyimpan perasaan dukacita tersebut. Dukacita boleh menjadikan seseorang itu bersifat menghina diri sendiri, lemah semangat, malas berusaha dan bekerja, seterusnya menjadikan ianya berkeadaan liar dan bersikap 'penentang peraturan' atau 'anti disiplin'. Dukacita juga boleh menjadikan seseorang itu putus asa, hilang pegangan hidup dan cita-cita menjadi pudar, serentak dengan itu, maka segala kegiatan akan terhenti, sekali pun matlamat yang dituju masih jauh lagi.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu berperasaan dukacita, di antaranya ialah kehilangan sesuatu yang disayangi, kerana gagal dalam perjuangan,

sangkaan-sangkaan buruk mengenai nasib masa depan dan kebuntuan dalam menyelesaikan problem hidup. Dalam keempat-empat faktor tersebut dapatlah kita meneliti bahawa di sebalik kedukacitaan itu ada cara yang boleh mengatasinya iaitu dengan berbalik kepada prinsip 'Sabar' dan 'Ingatkan Kekuasaan Allah'.

Dalam perkara 'Sabar' dan 'Ingatkan Kekuasaan Allah' ini, baik kita ambil salah satu faktor yang menyebabkan seseorang itu berperasaan dukacita iaitu faktor kehilangan sesuatu yang disayangi. Memang jarang sekali seseorang itu dapat mengatasi diri dari perasaan berdukacita apabila sesuatu yang disayangnya hilang. Seseorang itu akan berdukacita lantaran hilang harta benda, kematian suami atau isteri, kesusahan yang menyebabkan hilang nikmat kesihatan dan kehidupannya dan lain-lain lagi.

Berdukacita dalam hal-hal tersebut sebenarnya



Orang Islam zaman ini ada yang setengahnya berani mencabar amaran-amaran Allah, berani membuat maksiat kalau tidak terang-terangan secara bertapak, tidak takut melakukan munkarat sebab itu Allah turunkan bala. Bala perang, bala sengketa sesama sendiri, bala mogok, bala-bala kemarau panjang, bala banjir, bala 'AIDS', bala dadah dan bermacam-macam jenis bala lagi.

Islam tetap Islam, yang bertukar ganti ialah orang-orang Islam bukan Islam. Yang jahat ialah orang Islam sungguhpun memang banyak ada juga orang Islam yang baik tetapi Islam tidak pernah jahat, ia tetap baik. Sebab itu, jika orang Islam minum arak jangan hina Islam, jangan kata Islam jahat membenarkan minum arak, yang tidak baik ialah orang-orang Islam yang minum

Berbagai bala diturunkan ke atas orang Islam masa kini MEREKA BERANI CABAR KEKUASAAN ALLAH

arak itu, yang melanggar tegahan Allah dan yang tidak mematuhi perintah-perintah Allah. Bukan Islam, Islam tetap tidak menghalalkan penganutnya minum arak, arak tetap haram sama ada sedikit atau banyak, mabuk atau tidak.

Kalau ada orang Islam main judi, jangan tohmah Islam mengharuskan perjudian sebab Islam tetap tidak membenarkan perjudian dalam apa jua bentuknya. Undang-undang negara pun tidak membenarkan perjudian.

Sebagaimana yang kita maklumi semua, bahawa agama Islam bukanlah agama untuk satu-satu bangsa atau kaum tetapi adalah untuk semua manusia. Kerana itu di dalam Islam tidak ada pilih kasih, tidak pilih kedudukan dan pangkat, tidak pilih bangsa dan keturunan, orang Islam adalah semua bersaudara. Allah menjadikan manusia berpuak-puak berbangsa adalah untuk mereka itu berkenalan dan bekerjasama di antara satu dengan lain di dalam memakmurkan bumi ini untuk kepentingan mereka juga. Manusia di sisi Allah sama sahaja. Hanya yang membezakan kedudukan dan kemuliaan seseorang dengan seseorang yang lain ialah ketakwaan kepada Allah. Firman Allah dalam surah Al-Hujarat ayat 31 yang bermaksud kira-kira:

"Sesungguhnya Kami (Allah) telah menjadikan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu berkenalan-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah di antara kamu ialah orang yang paling bertakwa, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Bijaksana."

Agama Islam tetap menjadi agama yang sah di sisi Allah dan tetap akan mengatasi agama lain kerana hanya agama Islam satu-satunya agama diterima oleh Allah dan yang dapat menjadikan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Oleh itu wahai kamu Muslimin, marilah kita sentiasa memeriksa diri kita yang mengaku sebagai orang Islam ini. Setakat manakah kita telah dapat mematuhi ajaran-ajaran Islam. Setakat manakah kita telah patuh kepada suruhan-suruhan Allah yang telah menjadikan kita sebagai makhluk-Nya yang menganut agama-Nya iaitu Islam yang merupakan sebagai nikmat Allah yang maha agung dan besar kepada kita. Mudah-mudahan dengan itu kita akan mendapat kehidupan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala di dunia dan di akhirat.

Kesabaran dapat ubati perasaan dukacita

belum sampai ke tahap perkara yang dilarang dan agama Islam. Tetapi apa yang ditegah atau dilarang ialah berdukacita yang terus-menerus sehinggalah lupa kepada kepentingan dunia apatah lagi kepentingan akhirat, di samping melakukan perkara-perkara bagi kepentingan akhirat, di samping melakukan perkara-perkara yang dilarang atau dikutuk oleh Allah Subhanahu Wataala seperti membunuh diri dengan apa cara jua pun.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri dalam sejarah hidupnya, pernah berdukacita iaitu ketika wafat puteranya yang bernama Ibrahim, bercucuran air mata Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menyebabkan Abdul Rahman bin Auf bertanya: "... Bagaimana ya Rasulullah?" Baginda

Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: "Wahai Ibnu Auf, peristiwa ini adalah suatu rahmat, ya, air mata tentulah mengalir, hati tentulah berduka dan kami tidak berkata apa-apa selain dari yang diredai oleh Allah. Sesungguhnya kami dengan perpisahanmu ini, wahai Ibrahim amatlah berdukacita."

Tetapi jika seseorang itu berdukacita dengan melampaui batas sehingga menyebabkan ianya seolah-olah membantah ketentuan Allah Subhanahu Wataala dan menepikan segala nikmat yang telah, sedang dan bakal diterimanya daripada Allah Subhanahu Wataala, maka inilah dilarang sama sekali, ini menepati maksud sebuah hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Bukhari

dan Muslim daripada Ibnu Masud yang bermaksud: "Bukanlah dari golongan umatku orang yang menampar-nampar pipi, mengoyak-ngoyak baju dan melaung-laung dengan kata-kata laungan orang-orang di zaman Jahiliyah (ketika ianya ditimpa malapetaka atau kemalangan seperti kematian orang yang dikasihi dan sebagainya)."

Dalam perkara inilah kita harus menyedari bahawa setiap apa yang ada di sisi kita sebenarnya hanyalah pinjaman atau amanah Allah Subhanahu Wataala. Oleh itu Allah Subhanahu Wataala berhak mengambilnya semula bila-bila masa dengan sebab-sebab tertentu. Kalau kita mengetahui semua ini, di sinilah kita harus meletakkan kesabaran kita dan selalu ingatkan kekuasaan

Menuju Keredaan Allah

Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala itu berkuasa kepada setiap sesuatu. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah di sebahagian ayat 155 dan ayat 156 hingga ayat 157 yang bermaksud kira-kira: "Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, iaitu orang yang apabila ditimpa malapetaka atau kemalangan, mereka berkata: 'Bahawa sesungguhnya kita kepunyaan Allah dan kepada-Nya kita akan kembali,' mereka itu pasti mendapat kepunahan dan rahmat daripada Allah dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk."



GAMBAR menunjukkan ketika perundingan perjanjian perkhidmatan udara antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Malaysia diadakan. Kelihatan tiga dari kiri Dato Paduka Awang Haji Chuchu, Setiausaha, Tetap Kementerian Perhubungan dan Tuan Haji Othman bin Mohd. Rizal, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (dua dari kanan). — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Perundingan perjanjian perkhidmatan udara

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN 20 Jan. — Perundingan perjanjian perkhidmatan udara antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia telah berlangsung di Bilik Per-

sidangan, Kementerian Perhubungan di sini Rabu lalu.

Perundingan itu antara lain membincangkan isu-isu yang akan membolehkan kedua syarikat penerbangan dari kedua buah negara untuk membuat perkhidmatan udara di antara kedua buah negara dan juga ke negara-negara ketiga selepas Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Awang Chuchu dan disertai oleh pegawai Kanan dari Kementerian Perhubungan, Kementerian Undang-Undang, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Sementara dari Kerajaan Malaysia telah diketuai oleh Tuan Haji Othman bin Mohd. Rizal, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia, dan disertai oleh pegawai kanan di Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Syarikat Penerbangan Malaysia.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu dalam ucapannya antara lain berharap semoga isu-isu yang dibangkitkan itu akan mencapai matlamatnya sebagaimana yang diharapkan, di samping akan mengeratkan lagi hubungan yang sedia wujud antara kedua-dua buah negara.

Aktiviti Perpustakaan DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan berbagai-bagai aktiviti khusus bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang akan bermula pada 31 Januari depan.

Kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan tersebut adalah dipersilakan hadir ke bilik aktiviti Perpustakaan Kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka di Bandar Seri Begawan bermula jam 2.00 petang.

Jadual aktiviti Perpustakaan DBP itu adalah seperti berikut: Pada 31 Januari diadakan Masa Bercerita; 7 Februari sesi membaca jawi; 14 Februari sesi mewarna dan 21 Februari mencari gambar tersembunyi.

PENGHASILAN FILEM RANTAU ASEAN MENURUN

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN 18 Jan. — Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Penyiaran dan Penerangan menyatakan bahawa disebabkan ketandusan penulis-penulis skrip layar yang berpotensi telah menjadikan penghasilan filem-filem di rantau ASEAN ini agak lembab dan menurun.

Menurut beliau, filem-filem bermutu yang dihasilkan di rantau sebelah sini begitu sukar untuk didapatkan dan ini sekaligus menjadikan sukar bagi kita untuk mencari sebuah filem televisyen yang menarik ramai penonton.

Berucap ketika merasmikan Kursus Penulisan Skrip Layar yang telah diadakan di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini Pengiran Badaruddin menambah kata bahawa skrip-skrip yang dihasilkan mempunyai ulangan plot-plot cerita dalam pelbagai perkara dan juga terdapat skrip-skrip layar yang membosankan.

Berikutan dengan ketandusan skrip layar yang baik dan berpotensi itu, jelas Pengarah Penyiaran dan Penerangan telah menjadikan pasaran penulisan skrip di

rantau ini begitu meluas.

Penulisan skrip, jelas Pengiran Badaruddin, adalah merupakan seni yang memerlukan bakat dan daya kreativiti. Ianya juga memerlukan seseorang penulis skrip mempunyai pengetahuan yang baik tentang alam sekitar, kebudayaan tradisi dan masyarakat itu sendiri.

Menurut Pengiran Badaruddin, salah satu kelemahan yang ketara di rantau ini ialah kepayahan penulis-penulis skrip layar untuk menyesuaikan cerita dengan buku-buku ataupun novel ke dalam skrip layar.

Di negara barat, katanya, buku-buku terbitan Arthur Hailey, Ian Fleming dan Agatha Christie telah dijadikan skrip layar yang bersiri dan mendapat pasaran yang meluas di seluruh dunia termasuk rantau ASEAN.

Melihat dari kejayaan itu, Pengiran Badaruddin melahirkan harapan agar penulis-penulis ASEAN yang berkelibar akan dapat mengikut jejak langkah

penulis skrip layar dari barat yang telah banyak menempuh kejayaan itu.

"Saya tidak melihat kenapa kita di sini tidak dapat berbuat seperti itu. Kita mempunyai beratus-ratus novel yang baik yang ditulis oleh penulis-penulis ASEAN dengan berlatarbelakangkan kehidupan dan kebudayaan di ASEAN," jelasnya.

Untuk itu, beliau menyeru kepada peserta yang menghadiri kursus tersebut khususnya yang datang dari lima buah negara ASEAN yang lain supaya akan dapat menterjemahkan novel-novel yang ditulis oleh penulis ASEAN ke tulisan skrip layar.

Maka dengan cara itu nanti, kata beliau, segala ketandusan filem-filem yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN akan dapat diatasi dan sekaligus kita akan dapat melahirkan skrip-skrip layar yang berpotensi untuk ditonton sama ada penonton dari negara ASEAN mahupun di luar rantau ini.

Seramai 14 orang peserta dari enam buah negara anggota ASEAN telah menyertai kursus tersebut yang dijangka akan berakhir pada 12 Februari depan.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 20 Januari, 1988.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

- 1) Kacang Soya Bergaram (Taucu) Yeo's—450g sebotol \$1.20.
 - a) Kedai A. Muthian No. 9, Jalan McArthur.
- 2) Kicap Seri Manis—Pekat & Masin (640ml) sebotol \$2.00.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
- 3) Tepung Kaji (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6 Jalan McArthur.
 - b) Kedai Eng Leong No. 8, Jalan McArthur.
- 4) Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram 90 sen/1 kati 55 sen.
 - a) Kedai Chop Ching Seng No. 26 Jalan Sultan.

TUTONG 5082


- 1) Kacang Soya Bergaram (Taucu) Yeo's—450g sebotol \$1.30.
 - a) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
- 2) Kicap Seri Manis—Pekat & Masin (640ml) sebotol \$2.20.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- 3) Tepung Kanji (Flyingman) sebungkus 55 sen.
 - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- 4) Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Soon Lee Mini Mart 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.

SERIA 7087

- 1) Kacang Soya Bergaram (Taucu) Yeo's—450g sebotol \$1.20.
 - a) Choo Heng and Company No. 30 Jalan Sultan Omarali.
 - b) Kedai Soon Kheng No. 52 Jalan Bunga Kuning.
- 2) Kicap Seri Manis—Pekat & Masin (640ml) sebotol \$2.20.
 - a) Chop Koh Seng Heng No. 17 Jalan Sultan Omarali.
- 3) Tepung Kanji (Flyingman) sebungkus 50 sen.
 - a) Kedai Soon Kheng No. 52 Jalan Bunga Kuning.
- 4) Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram 90 sen/1 kati 50 sen.
 - a) Kedai Poh Shing No. 6, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT 6083

- 1) Kacang Soya Bergaram (Taucu) Yeo's—450g sebotol \$1.10.
 - a) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
- 2) Kicap Seri Manis—Pekat & Masin (640ml) sebotol \$2.20.
 - a) Kedai Guan Heng No. 30, Jalan Sungai.
- 3) Tepung Kanji (Flyingman) sebungkus 55 sen.
 - a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
- 4) Makanan Ayam (Telur) 1 kilogram 80 sen/1 kati 50 sen.
 - a) Kedai Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.



PENGARAH Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin berucap sejeurus sebelum membuka rasmi Kursus Latihan Dalam Penulisan Skrip Layar bertempat di Rumah Persinggahan Kerajaan Brunei. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

PULAIE. — Bagi memberi peluang kepada orang-orang yang bukan beragama Islam di negara ini untuk mengenal agama Islam secara umum dengan cara dan melalui sumber yang betul maka Kerajaan melalui Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Seminar Mengenal Agama Islam minggu lalu.

Seramai 275 orang dan kakitangan kerajaan yang bukan beragama Islam telah menghadiri seminar tersebut yang berlangsung di Pusat Dakwah Islamiah di sini.

Di samping itu seminar tersebut bertujuan untuk melihat serta mengambil faedah serba sedikit daripada nilai-nilai yang murni yang terdapat di dalam agama Islam, terutama yang berhubung dengan kemasyarakatan dan akhlak, sekalipun mereka tidak menganut agama Islam dan juga untuk memberikan mereka peluang turut menghayati dan menyanjung Perlembagaan Negara yang menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi.

Sepanjang seminar sehari itu empat kertas kerja telah dibentangkan. Penceramah-penceramah terdiri daripada Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Aziz, Pemangku Kadi Besar; Ustaz Haji Abd. Rajid bin Haji Kadir, Timbalan Pengarah Pusat Dakwah Islamiah; Dr. Maghfur Usman dari Universiti Brunei Darussalam dan Awang Muhammad Yunus bin Abdullah dari United Kingdom.

Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Aziz telah memberikan ceramah yang bertajuk Islam di Brunei.

Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Aziz dalam ceramahnya antara lain menyentuh sejak zaman Sultan Muhammad iaitu Sultan Brunei pertama memeluk agama Islam maka dengan sendirinya Brunei telah menjadi sebuah Kesultanan Melayu Islam yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Lalu semenjak itu wajiblah berjalan hukum



SEMINAR mengenai agama Islam bagi orang-orang yang bukan beragama Islam telah dilangsungkan di Pusat Dakwah Islamiah baru-baru ini. Gambar atas kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Aziz, Pemangku Kadi Besar ketika menyampaikan kertas kerja. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

275 ORANG HADIRI SEMINAR MENGENAL AGAMA ISLAM

Oleh Dk. Saidah POA

syariat Islam dalam Negeri Brunei melalui kuasa Sultan dan budi bicara masing-masing.

Di dalam ungkapan "Agama rasmi bagi negeri ialah Agama Islam" Yang Dimuliakan Pehin menyifatkan Brunei telah menjalankan dasar yang betul dan tepat kerana Brunei tidak memaksakan Islam kepada bukan penganut-penganutnya untuk menerimanya. Tetapi walau bagaimanapun, penganut-penganut bukan Islam mestilah pula menghormati dasar Islam itu sendiri dalam cara-cara beramal dan beribadat, bahawa di dalam sebuah negeri Islam orang-orang bukan Islam dibenarkan mereka menjalankan upacara agama mereka tetapi bukan mengembangkannya.

Ustaz Dr. Maghfur Usman

dalam ceramah yang bertajuk Aqidah Islam telah menerangkan aqidah Islam bererti perkara-perkara yang wajib dipercayai kebenarannya oleh setiap orang Islam. Aqidah dan Iman terang beliau adalah dua perkataan yang berkaitan. Ia bererti mempercayai perkara yang wajib dipercayai (aqidah) dengan sungguh-sungguh tanpa ada keraguan sedikit pun, ia adalah asas bagi amal.

Beliau seterusnya berkata kukuhnya Aqidah Islam dengan fahaman yang betul di lingkungan masyarakat Islam yang hidup di satu negara akan banyak membawa faedah bagi kemajuan dan kesejahteraannya. Ia juga akan mengawal manusia daripada diperbudak oleh hawa nafsunya sehingga sang-

gup melakukan penyelewengan yang merugikan dirinya sendiri dan masyarakat.

Penceramah ketiga ialah Ustaz Haji Abdul Rajid dengan tajuk ceramahnya Nilai-Nilai Islam.

Beliau menyatakan Nilai-nilai Islam itu adalah terpancar dari keimanan kepada Allah Yang Esa dan perasaan takwa. Orang-orang Islam diajarkan oleh Al-Quran bahawa setiap Muslim bertanggungjawab di atas segala perbuatannya. Islam sebagai agama yang menegakkan keadilan di kalangan manusia sama ada Islam atau bukan Islam — mengakui kebebasan berakidah.

Beliau menegaskan lagi nilai-nilai itu juga hendaklah disertai dengan nilai-nilai akhlak yang baik seperti sentiasa beramanis muka apabila bertemu sesama Islam atau bukan Islam, berlemah lembut, tolong-menolong untuk kebaikan dan sebagainya.

Ceramah bertajuk Journey to Islam atau Perjalanan Menuju Islam disampaikan oleh Awang Muhammad Yunus. Antara lain beliau menceritakan pengalaman beliau sendiri sebelum memeluk agama Islam iaitu bagaimana beliau mencari sesuatu matlamat kebenaran dalam hidup, bagaimana beliau mula tertarik untuk masuk Islam.

Seminar sehari itu diharapkan akan dapat memberikan pendedahan kepada peserta-peserta yang menyertai agar dapat memahami agama Islam, yang menjadi anutan majoriti penduduk di negara ini dan telah ditetapkan dalam Perlembagaan sebagai agama rasmi.

Selain daripada itu pihak penganjur mengharapkan supaya dengan adanya kefahaman mengenai agama Islam akan dapat mewujudkan perpaduan yang lebih erat di antara kaum yang berlainan agama serta untuk mengekalkan suasana aman dan harmoni yang dinikmati selama ini.

Bengkel penulisan puisi

BANDAR SERI BEGAWAN 27 Jan. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan satu bengkel intensif penulisan puisi yang terbuka kepada penulis-penulis puisi Negara Brunei Darussalam.

Bengkel kali ini akan dikendalikan oleh seorang penyair Indonesia yang terkenal Drh. Taufiq Ismail.

Drh. Taufiq Ismail mulai terkenal setelah ia menerbitkan puisinya Tirani yang kemudian disusuli dengan Benteng. Puisinya banyak dinyanyikan oleh grup muzik Bimbo dan beliau sendiri terkenal sebagai pembaca sajak yang memikat sesudah Rendra. Walaupun berkelulusan sebagai Doktor Haiwan dari Fakultas Kedokteran Haiwan & Peter-nakan UI, Bogor (sekarang IPB) namun pekerjaan tetapnya ialah sebagai Pegawai Perhubungan Luar di Perusahaan Unilever Indonesia. Selalu menulis, menterjemah dan menyempurnakan jemputan pembacaan puisi di dalam dan di luar Indonesia.

Bengkel ini akan diadakan selama 4 hari mulai 28 hingga 31 Mac, 1988 bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka. Borang-borang penyertaan boleh didapati dari Cawangan Kegiatan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Telefon: 43511 sambungan 148 atau 151.

Majlis suaikenal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis suaikenal ahli-ahli baru Persatuan Bersatu (bekas peserta-peserta kapal Belia Asia Tenggara) akan diadakan pada 31 Januari ini di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka bermula 8.00 pagi.

Antara acaranya ialah ucapan Yang Dipertua Persatuan Persatu, Awang Abdul Hamid bin Abbas dan persembahan kebudayaan oleh ahli-ahli persatuan ini.

Semua bekas peserta Kapal Belia Asia Tenggara tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987 dipersilakan hadir.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	27.1.1988	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkal Batu	27.1.1988	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	27.1.1988	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	27.1.1988	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	28.1.1988	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas	28.1.1988	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	28.1.1988	Khamis	9.45-10.45 "
Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Pulaie	28.1.1988	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Jerudong	30.1.1988	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	30.1.1988	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkabung	30.1.1988	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Ugama Sengkabung (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut)	30.1.1988	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	30.1.1988	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	31.1.1988	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampung Perpindahan Serasa	31.1.1988	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	31.1.1988	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	1.2.1988	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungan	1.2.1988	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	1.2.1988	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah)	1.2.1988	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas	1.2.1988	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	2.2.1988	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	2.2.1988	Selasa	10.30-11.30 "
Bolkah Garrison	2.2.1988	Selasa	10.00-11.00 pagi
Sekolah Rendah Panaga, Seria	2.2.1988	Selasa	10.00-11.00 "



KAUM wanita yang bukan beragama Islam ketika menghadiri seminar Mengenal Agama Islam. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Lebih 200 orang hadiri syarahan mengenai fizik


GADONG 21 Jan. — Pemenang hadiah novel dalam bidang fizik pada tahun 1985, Professor Von Klitzing dari Republik Persekutuan Jerman telah berada di negara ini minggu lalu. Semasa berada di sini beliau telah menyampaikan dua buah ceramah atas undangan Universiti Brunei Darussalam.

Pada 21 Januari seramai lebih 200 orang yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah, penuntut UBD dan orang ramai telah menghadiri ceramah beliau yang bertajuk Basic Research In Electronic bertempat di Dewan Kuliah J, Universiti

Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu, Profesor Von Klitzing telah menyampaikan syarahan umum yang bertajuk 'How Long Is A Metre' yang telah diadakan pada 19 Januari bertempat di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IP-SHB).

Adalah difahamkan bahawa beliau adalah merupakan pemenang hadiah novel yang pertama kali mengadakan lawatan ke negara ini. Kini Profesor Von Klitzing bertugas sebagai Pengarah Maz-Planck Institute For Solid State Physics di Stuttgart, Jerman.



GAMBAR kelihatan Profesor Von Klitzing ketika menyampaikan syarahannya yang bertajuk 'Basic Research In Electronic' bertempat di Dewan Kuliah J, Universiti Brunei Darussalam. — Gambar oleh Harun Rashid.

KETETAPAN HARGA-HARGA KERETA JENIS TOYOTA

KETETAPAN HARGA-HARGA KERETA — "TOYOTA"

Sebagai sambungan minggu lepas berikut di bawah ini adalah senarai harga-harga Kereta TOYOTA yang dijual dari Syarikat N B T (Brunei) Sdn. Bhd. yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga baru-baru ini seperti berikut :-

JENIS KERETA (Type of Cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENUH (Selling Price on The Road)		
TOYOTA COROLLA 1.3 STATIONWAGON Model : EE97R-AWKRS Rear Window Defogger ; Outer Mirrors ; Front Seatbelts ; Mudguard ; etc.	\$17,500.00	\$18,360.00	Back Window Defogger ; Back Window Wiper ; 2 Outer Door Mirrors ; Remote Head Camp ; Front Seatbelts ; Analog Quartz Clock ; Front Headrest ; Mudguard ; etc.	\$25,500.00 \$26,621.00
TOYOTA COROLLA STATION WAGON XL (Manual) Model : EE97R-AWKDS (1300 c.c) Rear Window Defogger ; Outer Mirrors 1 ; Front Seatbelts ; Front Headrest ; Front and Rear Mudguard ; etc	\$17,600.00	\$18,488.00	TOYOTA CRESSIDA 2.4 STATION WAGON Model : RX72RG-XWMNS Aircondition ; Radio AM/FM ; Front Seatbelts ; 2 Outer Mirrors ; Rear Window Defogger ; Speed Meter Km/H ; Mudguard ; etc	\$28,000.00 \$29,284.00
TOYOTA COROLLA 1.3 XL 5-DOOR LIFTBACK (Auto) Model : EE90R-ALHDS Aircondition ; Rear Window Defogger ; Speed Meter Km/H Side Protection Moulding ; 2-Outer Door Mirrors ; Front Headrest ; Front Seatbelts ; Digital Quartz Clock ; Mudguard ; etc.	\$20,500.00	\$21,374.00	TOYOTA CELICA 3-DOOR LIFTBACK GT Model : AT160R-BLMVF (1600c.c) Aircondition ; Power Window ; Power Door Lock ; Radio AM/FM ; MPX 5PB 2 sp. ; Stereo Cassette ; 2 Outer Mirrors Rear Window Defogger Front and Rear Mudguard ; Rear Window Wiper ; Rear Spoiler ; Power Antenna ; etc	\$34,300.00 \$35,680.00
TOYOTA COROLLA 1.6 LIFTBACK (Manual) Model : AE92R-ALMNU Aircondition ; Power Window ; Power Door Lock ; Rear Window Defogger ; 2 Outer Door Mirrors ; Front Seatbelts ; Mudguard ; etc.	\$22,500.00	\$23,458.00	TOYOTA CROWN SUPER Model : MS132R-AEPGS (2800 c.c) Aircondition ; Radio/Cassette ; Body Rust Protection ; Anti-Chipping Paint ; Front and Rear Mudguard ; etc	\$41,000.00 \$42,665.00
TOYOTA COROLLA 1.6 LIFTBACK (Auto) Model : AE92R-ALHNU Aircondition ; Power Window ; Power Door Lock ; Rear Window Defogger ; 2 Outer Door Mirrors ; Front Seatbelts ; Mudguard ; etc.	\$24,000.00	\$25,010.00	TOYOTA SUPRA 3.0 (Manual) Model : MA70R-BLMVF (3000 c.c) Aircondition ; Radio AM/FM ; MPX ETR with Cassette 4 sp. ; Rear Spoiler ; Windshield Glass ; Rust Proof ; etc	\$51,000.00 \$52,956.00
TOYOTA CORONA 2.0 4 DOOR SALOON (DIESEL) Model : CT141R-TEMPS Aircondition ; Radio/Cassette ; Safetybelts ; Rear Defogger ; Headrest ; etc.	\$24,000.00	\$25,045.00	TOYOTA SUPRA 3.0 (Auto) Model : MA70R-BLPVF (3000 c.c) Aircondition ; Radio AM/FM ; MPX ETR with Cassette 4 sp. ; Rear Spoiler ; Windshield Glass ; Rust Proof ; etc.	\$53,800.00 \$55,842.00
TOYOTA TERCEL 4 x 4 STATIONWAGON Model : AL25RG-ZWFD5 Aircondition ; Speed Meter MPH ± Km/H Radio AM 1 SP ;			TOYOTA CROWN ROYAL SALOON 4-DOOR SEDAN Model : MS135-AEPQF (3000 c.c) Aircondition ; Radio/Cassette ; Body Rust Protection ; Anti-Chipping Paint ; Speed Meter Km/H Front and Rear Mudguard ; etc	\$53,900.00 \$55,942.00

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan Nombor Telefon 25555 atau 41910, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka jual itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

1. Pendahuluan

MASALAH perkahwinan diberi perhatian berat oleh agama Islam kerana ia merupakan asas kepada pembinaan masyarakat dan negara.

Di dalam Islam masalah perkahwinan mempunyai matlamat-matlamat yang tertentu kerana perkahwinan bukanlah sekadar untuk memenuhi keperluan jantina semata-mata malahan ia juga sebagai satu jalan untuk melahirkan zuriat yang bersih dan baik bagi perlanjutan generasi akan datang dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu ia juga dapat memberikan ketenangan jiwa serta melahirkan suasana ketenteraman dan kedamaian berikutan dari wujudnya rasa kasih sayang di antara kedua pihak suami isteri. Hal ini dapat dilihat daripada firman Allah Taala yang kira-kira bermaksud :

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir. — Ar-Rom ayat 21.

Setiap pasangan yang mendirikan rumahtangga adalah berkeinginan dan berhasrat untuk mencapai kebahagiaan hidup berumahtangga sepertimana yang dikemukakan di atas. Oleh itu setiap pasangan tersebut dari semasa ke semasa hendaklah cuba mengelakkan diri dari terlibat di dalam krisis rumahtangga yang akan membawa kepada berlakunya perceraian.

Walaupun demikian kita dapati tidak semua pasangan tersebut dapat mengendalikan rumahtangga mereka kepada matlamat yang dikehendaki kerana perselisihan-perselisihan dalam rumahtangga seringkali berlaku dan adakalanya perselisihan-perselisihan tersebut tidak lagi dapat diatasi dengan cara yang baik sama ada melalui perundingan atau sebagainya. Satu sahaja jalan keluar yang terakhir yang mereka fikirkan boleh mengatasi perselisihan yang timbul di dalam keluarga ialah melalui perceraian.

Adalah perlu diingatkan di sini bahawa sekalipun perceraian itu diharuskan di dalam Islam tetapi kita tidak harus lupa bahawa perceraian itu adalah merupakan suatu perkara yang sangat dibenci oleh Islam. Ini adalah kerana Islam tidak mahu ikatan perkahwinan yang dijalin di antara kedua pasangan suami isteri itu dihurai atau dirombak dengan sebegitu mudah mengikut sesuka hati sahaja yang didorongkan oleh hawa nafsu tanpa memikirkan kesan-kesan yang akan timbul dari perceraian itu kelak. Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

Sebenci-benci perkara halal di sisi Allah ialah talaq. Hadis riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah.

2. Pengertian Talaq

Pengertian talaq dari segi syarak ialah menghurai dan memutuskan ikatan perkahwinan di antara suami isteri.

3. Hikmat Perceraian

Perceraian mengandungi hikmat dan tujuan-tujuan tertentu. Di antara hikmat-hikmat perceraian tersebut ialah:

- 1.3 Untuk memberi peluang kepada kedua belah pihak memikirkan dan mengkaji serta mengambil pengajaran dan pengiktibaran daripada perceraian tersebut, untuk memperbaiki segala kesilapan yang telah berlaku moga-moga dengan pengajaran tersebut akan memberi kesan yang baik untuk tidak mengulangnya lagi pada masa akan datang setelah kedua-dua pihak bersatu kembali atau bilamana kedua-dua pihak mendapat pasangan baru masing-masing.
- 2.3 Untuk mengembalikan suasana ketenteraman dan keharmonian di kalangan kedua-dua belah pihak yang saling bersengketa di antara satu sama lain.
- 3.3 Untuk memberi kebebasan dan jalan keluar kepada kedua-dua



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan wanita yang telah menghadiri kursus Kefahaman Keluarga Islam yang telah diadakan di Pusat Dakwah Islamiah. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

PERCERAIAN, SEBAB-SEBAB DAN CARA-CARA MENGATASINYA

KERTAS kerja ini dibentangkan bersama oleh Awang Haji Salim bin Haji Besar, Timbalan Kadi Besar dan Hajjah Zalinah binti Haji Omar di Majlis Kursus Kefahaman Keluarga Islam yang telah dilangsungkan di Pusat Dakwah Islamiah pada 17 Januari, 1988.

pihak terlibat bagi memilih dan mencari pasangan yang lebih sesuai atau lebih cocok dengan diri masing-masing untuk mencapai matlamat perkahwinannya.

- 4.3 Untuk membolehkan pasangan terlibat menikmati dan memenuhi tuntutan-tuntutan naluri jantina dengan sebaik-baiknya. Oleh itu jika didapati berlaku sebarang kecacatan atau keaiban atau keuzuran syar'ei seperti suami mati pucuk, lemah tenaga batin, mengidap penyakit merbahaya, gila atau isteri mengidap suatu kecacatan yang menghalangnya dari disetubuhi, maka perpisahan antara keduanya dibolehkan sebagai jalan keluar bagi memperoleh matlamat perkahwinan yang sebenarnya.

- 5.3 Untuk menjaga maruah dan nasab keturunan yang baik. Jika salah satu pihak didapati berakhlak buruk (fahishah) seperti berlaku curang, tidak mematuhi perintah Allah, berlaku zalim dan sebagainya, maka perceraian adalah dibenarkan.

4. Perceraian dan Akta Majlis Agama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Akta tersebut telah menggariskan peraturan-peraturan tertentu bagi perceraian orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam ini. Sungguhpun demikian peraturan-peraturan yang diperuntukkan di dalam akta itu tidaklah bertentangan sama sekali dengan peraturan perceraian mengikut hukum syarak. Hal ini ada diperuntukkan secara jelas dalam bab 144, 145, 146, 147 dan 149 dari Akta Majlis Agama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77.

144 Cerai dengan Talak mengikut bab 144 dari Akta Majlis Agama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi.

- (1) Bolehlah seorang suami menceraikan isterinya mengikut hukum syarak dengan talak satu atau dua atau tiga.
- (2) Di dalam tempoh tujuh hari daripada perceraian, maka suami itu hendaklah memberitahu dari hal perceraian itu dan segala kenyataan yang bersabit dengannya dan hendaklah


membayar belanja-belanja yang ditetapkan dalam jadual yang kelima baginya kepada pendaftar di mana perceraian itu berlaku.

- (3) Maka syarat-syarat daripada cerai (2), (3) dan (4) dari bab 143 dari Akta Majlis Agama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hendaklah terpakai dengan perubahan yang patut kepada pendaftaran perceraian pengeluaran surat akuan cerai.
- 145 (1) Seorang perempuan yang bernikah bolehlah meminta cerai kepada kadi mengikut hukum syarak.
- (2) Di dalam mana-mana perkara seumpama itu hendaklah kadi memanggil suami itu di hadapan dan periksa adakah ia bersetuju dengan perceraian itu. Jika suami itu bersetuju hendaklah kadi apabila dibayar belanja-belanja yang ditetapkan dalam jadual yang kelima baginya menyebabkan laki itu melafazkan cerai itu, mendaftarkan perceraian dan mengeluarkan surat akuan cerai pada kedua-dua pihak yang berkenaan.
- (3) Sekiranya suami itu tidak bersetuju di atas perceraian itu, akan tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan tebus talak. Maka bolehlah kadi taksiran jumlah pembayaran yang kena dibayar oleh isteri mengikut taraf dan keadaan pihak-pihak itu dan hendaklah tatkala dibayar belanja-belanja yang ditetapkan dalam jadual yang kelima baginya, menyebabkan suami itu melafazkan cerai dengan tebus talak dan mendaftarkan serta mengeluarkan surat-surat akuan cerai bagaimana yang telah disebutkan di atas itu.
- 146 (1) Seorang perempuan yang bernikah jika terhak mengikut hukum syarak kepada perceraian dengan syarat-syarat Surat Taklek yang diperbuat tatkala bernikah boleh menuntut kepada kadi mengisahkan bahawa perceraian itu berlaku.
- (2) Maka hendaklah kadi itu memeriksa surat itu dan membuat apa-apa penyiataan yang nampak kepadanya wajib di

- 147 (1) Seorang perempuan yang bernikah bolehlah meminta jalan pendakwaan di dalam Mahkamah Kadi kerana hukum membatalkan nikah atau dengan Fasakh, mengikut hukum syarak.
- (2) Di dalam mana-mana perkara yang demikian hendaklah mahkamah jika boleh serahkan notis perbicaraan itu atau, jika puas hati dengan keterangan sumpah atau ikrar bahawa suaminya itu tidak ada dalam negeri atau tidak dapat dicari hendaklah diserahkan notis perbicaraan itu kepada waris suaminya yang laki-laki hampir sekali yang ada di dalam negeri atau, jika tidak ada orang yang demikian diketahui hendaklah disuruh tampal surat itu di rumah yang diketahui akhir sekali suami itu duduk di dalam negeri ini.
- (3) Hukuman tidaklah akan dijatuhkan melainkan mengikut syarat-syarat hukum syarak dan dengan menurut keterangan perempuan yang bernikah itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang bersumpah atau berikrar.
- (4) Apabila dijatuhkan hukuman membatalkan nikah maka hendaklah kadi daftarkan perkara itu sebagai cerai dan hendaklah dikeluarkan surat akuan cerai mengikut borang yang ditetapkan dalam jadual kelima baginya kepada isteri itu.
- 149 (1) Maka apabila bersangatan syiq-q di antara suami isteri itu, bolehlah kadi itu melantik dua hakim mengikut hukum syarak bagi pihak laki-laki dan perempuan itu (suami dan isteri). Tatkala membuat perlantikan itu hendaklah kadi jika boleh memilih waris-warisan yang dekat dengan pihak-pihak itu yang mengetahui hal-ehwal perkara itu.

Bersambung minggu depan

rtb Intisari minggu ini



Promo Drama Tv:

"PAGI YANG MERAH"

SEBUAH drama televisyen berjudul 'Pagi Yang Merah' sedang dalam penggambarannya, drama ini menceritakan tentang tiga orang budak nakal yang selalu berpoya-poya, mencuri dan mengganggu harta benda awam.

Annuar seorang penuntut dulunya rajin belajar telah terperangkap dalam kumpulan budak-budak nakal sehingga sanggup berdusta kepada ayah dan ibunya, keluar rumah berpakaian sekolah tetapi di luar rumah sudah bertukar, di dalam begnya sudah terdapat pakaian lain.

Beginilah sikap budak-budak nakal yang kurang diambil perhatian oleh ibu bapa mereka. 'Pagi Yang Merah' ditulis oleh Ah Fook, diarah dan diterbitkan oleh Haji Johari PPDP Haji Omar.

Gambar atas memperlihatkan adegan bagaimana budak-budak nakal ini mencuri kaset dan radio dalam kereta yang ditinggalkan oleh tuannya.

Tetamu Radio

KITA manusia punya citarasa dan kegemaran yang berbeza. Ada di antara kita, masa terluang sering diisi dengan berbagai kegiatan. Bagaimana dengan tetamu kita minggu ini? Ya... Haji Sulaiman Haji Jalil seorang penduduk dari Kampong Saba Ujong punya ciri dan sejarah tersendiri. Untuk mengetahui cerita dari Haji Sulaiman mengenai dengan mini muziumnya awda kami jemput mengikuti bualan Helen Thu dengan beliau yang kami siarkan pada hari Jumaat, 29 Januari jam 4.00 petang.

Sandiwara Radio:

"Jangan Biarkan Anakku Mati"

TIDAK! aku tidak mau anakku mati, jangan biarkan dia mati... jangan bunuh dia! Anakku... dialah satu-satunya anakku... Demikianlah jeritan watak Ani dalam tangisannya yang merayu agar anaknya diselamatkan. Lakonan yang mengharukan ini akan dapat didengar melalui siaran Sandiwara Radio Minggu Ini berjudul 'JANGAN BIARKAN ANAKKU MATI', tulisan Hairol Azmi, Brunei.

Ani yang sebenarnya tidak gembira dengan keputusan orang tuanya yang telah membuat persetujuan untuk menjodohkannya dengan Izad, akhirnya terpaksa juga tunduk pada kemahuan mereka demi untuk kepentingan mereka. Izad pula merupakan pemuda yang suka berfoya-foya, justeru itu Ani merasa khawatir untuk menerimanya sebagai suami.

Setelah berkahwin Ani mencuba sedaya upayanya untuk menjadikan Izad seorang suami yang bertanggungjawab. Tapi malangnya, setelah kelahiran anak pertama mereka Azri, perangai lama Izad kembali semula menguasai dirinya.

Timbulnya perasaan itu adalah disebabkan kecacatan yang ditanggung oleh anak mereka sejak lahirnya. Anak itu cacat kedua kakinya dan kemungkinan dia tidak akan membesar seperti budak-budak yang

lain yang juga melibatkan perkembangan otak dan tubuh badannya.

Masalah Azri bertambah lagi bila doktor mengesahkan yang ia mengalami barah di paru-parunya. Pembedahan terpaksa dilakukan. Di saat-saat genting inilah Izad mengakui dirinya sebagai ayah kepada Azri.

Sempatkah Azri menikmati kasih sayang ayahnya? Jangan lupa, ikutlah siarannya nanti pada 31 Januari, 1988 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

Mari Memasak:

AYAM PANDAN

BAHAN-BAHANNYA:

- 1 ekor ayam (dibuang tulang)
- 100 gram serbuk jintan manis
- 100 gram serbuk jintan putih
- 150 gram serbuk kunyit
- garam secukup rasa
- 1 mangkuk kecil perahan air pandan pekat
- 4-5 helai daun pandan yang lebar.

CARA MEMBUATNYA:

Ayam dibersihkan dan dibuang tulangnya, kemudi-

dian dipotong 50 gram setiap satu ketul. Ayam yang dipotong tadi hendaklah digaul dengan jintan manis, jintan putih, kunyit, garam dan perahan air pandan pekat. Ayam tadi hendaklah digulung dengan daun pandan terlebih dahulu dan diperap selama 3-4 jam untuk mendapatkan rasa dan wangi pandan.

Apabila sudah cukup perap bolehlah awda goreng ayam tadi di dalam minyak sedang panasnya.

UNTUK HIDANGAN 6 ORANG.

Radio Minggu Ini:

RANCANGAN PERKHIDMATAN BAHAGIAN INGGERIS

SIARAN Radio Brunei pada keseluruhannya adalah meliputi Perkhidmatan Bahagian Melayu, Inggeris dan Cina. ketiga-tiga perkhidmatan ini telah wujud serentak pada tarikh permulaan penyiaran di negara kita ini diadakan pada tahun 1957, iaitu lebih 30 tahun yang lalu. Umumnya, masyarakat pendengar di Negara Brunei Darussalam telah mengetahui juga tentang tugas-tugas dan fungsi-fungsi di ketiga-tiga perkhidmatan penyiaran tadi, khususnya Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei. Manakala, Perkhidmatan Bahagian Inggeris dan Bahagian Cina pula adalah merupakan sebagai perkhidmatan pelapis, yang khas ditujukan kepada masyarakat Tiong Hwa dan juga bangsa-bangsa lain di negara kita ini.

Seperti halnya Perkhidmatan Bahagian Melayu, pada awal tahun 1988 ini juga Perkhidmatan Bahagian Inggeris telah menyediakan berbagai-bagai ranc-

cangan barunya. Rancangan-rancangan tersebut adalah berbentuk 'Package/Live' ataupun dalam erti kata yang lain secara rakaman dan juga terus menerus dari pengacara-pengacara di studio Radio Brunei. Rancangan-rancangan ini disediakan khusus untuk para pendengar dan juga para peminat rancangan Perkhidmatan Bahagian Inggeris yang kian bertambah dari masa ke semasa.

Jika kita menyoroti sedikit masa dulu, Perkhidmatan Bahagian Inggeris di Radio Brunei hanyalah didengar oleh golongan kecil masyarakat bukan Melayu yang bermastautin di negara ini. Tetapi sekarang ini selera pendengar-pendengar berbangsa Melayu semakin ketara pula untuk memberikan perhatian sepenuhnya, kepada rancangan-rancangan yang disiarkan oleh Perkhidmatan Bahagian Inggeris. Ini bukanlah bermakna rancangan-rancangan perkhidmatan berbahasa Inggeris telah menyaingi rancangan-rancangan berbahasa Melayu. Sebenarnya tidak! Tetapi, apa yang dimaksudkan adalah disebabkan oleh selera para pendengar, yang kebanyakannya terdiri daripada penuntut-penuntut dan juga belia-belia di negara ini, yang ingin mencari kelainan menerusi media penyiaran di tanahair mereka sendiri.

Media penyiaran dalam zaman kemajuan teknologi sekarang ini mempunyai peranan yang amat luas terutama di dalam memberikan maklumat-maklumat secara pantas dan cepat. Media juga menyalurkan berbagai-bagai ilmu dan pengetahuan yang kadang-kadang sukar kita dapatkan dari buku-buku rujukan, kerana kesuntuk-

an waktu. Manakala di bidang hiburan lagu-lagu dan muzik pula media penyiaran tetap tidak boleh diperkecilkan. Ini adalah disebabkan oleh cara pengendaliannya, terutamanya di Bahagian Inggeris yang memperdengarkan lagu-lagu hiburan dalam bentuk siaran FM Stereo. Perkhidmatan FM Stereo ini telah dimulakan pada pertengahan tahun 1987. Perkhidmatan ini boleh diikuti dari jam 2.00 petang hingga jam 4.00 petang pada setiap hari Isnin sehingga hari Khamis.

Di samping itu, pada tahun 1988 ini juga masyarakat pendengar yang meminati rancangan-rancangan perkhidmatan berbahasa Inggeris di Radio Brunei akan dapat mengikuti pelbagai sudut rancangan, seperti dokumentari Radio, pelajaran pengetahuan agama dan umum, hiburan-hiburan lagu dan muzik dan bermacam-macam lagi. Rancangan-rancangan berkenaan dapat diikuti mulai jam 6.30 pagi sehingga jam 4.00 petang, iaitu kira-kira tujuh jam pada hari-hari biasa dan sembilan jam pula pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Bagi memperseimbangkan perkembangan perkhidmatan radio bahagian Inggeris dengan kehendak pendengar dan juga keadaan semasa, bahagian ini sentiasa mempelawa belia-belia tempatan yang mempunyai minat dan kebolehan sebagai juruhebah berbahasa Inggeris. Jika sekiranya saudara mempunyai pendidikan asas di dalam G.C.E. 'O' Level dan berkebolehan bertutur di dalam bahasa Inggeris yang baik, datanglah ke Radio Brunei. Berbaktilah kepada masyarakat dan negara menerusi kerjaya juruhebah-juruhebah radio.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

RABU 27 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
- 5.00 A WHOLE WORLD OF CHILDREN (Episod akhir)
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Torn Space"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW
- 6.15 PLANTS FOR FREE: "Division"
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.45 PLANTS FOR FREE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 FAMILY TIES: "Mrs Wrong II" Alex mendapati Mallory dan Nick telah meninggalkan Residen Kaeton dan tidak berupaya untuk menahan mereka, lalu mengikutinya ke New Jersey. Di sana dia mendapati sepasang remaja telah menghadapi masalah dalam membuat keputusan.
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 FAMILY TIES — sambungan
- 8.05 RAGS TO RICHES
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 ROAD TO WEMBLEY
- 10.50 KATE AND ALLIE (Siri baru)
- 11.40 DYNASTY: "The Announcement" Steven menolak permintaan Blake untuk menjadi pengurus kempenya; Adam bingung dengan ketidak-upa-yaannya memberikan anak; Blake mengisytiharkan untuk menjadi gabe-nor Colorado, dan pada waktu yang sama Alexis merancang kejatuhan Blake.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 28 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DANGER BAY: "Nature Of The Beast"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 EXPERIMENT PHYSICS (Siri baru)
- 5.50 DANGER BAY — sambungan
- 6.25 YOUNG UNIVERSE
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.46 YOUNG UNIVERSE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 THE CHARMINGS: "Cindy's Back In Town"
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 THE CHARMINGS — sambungan
- 8.05 HUNTER: "Any Second Now" Theresa Saldana merasa takut apabila seorang lelaki pembunuh yang dipenjara keranaanya telah dilepaskan dari penjara.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 DEMPSEY AND MAKEPEACE: "Love You To Death"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Absence Of Malice" Mengisahkan bagaimana sebuah akh-bar mengaitkan Michael Gallagher dengan kehilangan seorang pemimpin persatuan. Michael terpaksa ber-usaha untuk membersihkan dirinya dari tuduhan tersebut. Dalam usaha ini beliau telah berhadapan dengan sistem perundangan yang tidak begitu memihaknya dan juga menghadapi beberapa keadaan bahaya.
- 12.50 SIARAN TAMAT.



SEBUAH lagi siri baru "FLOODTIDE" yang mengisahkan bagaimana cocaine diseludupkan, yang akan dapat awdaaksikan pada tiap-tiap hari Selasa kira-kira jam 10.45 malam.

JUMAAT 29 Jan.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.10 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 CONQUEST (Siri baru)
- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS: "Oh Boy Dinosaurs"
- 2.15 SUKAN DUNIA
- 3.15 MASK: "Raider Of The Orient Express"
- 3.36 AL-KISAH: "Semangat Padi"
- 3.56 AZAN ASAR
- 4.00 CAREBEARS: "The Sleeping Giant"
- 4.25 PROJECT U.F.O.: "The Pipeline Incident"
- 5.15 BITS AND PIECES (Episod akhir)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BRAT FARRAR
- 6.20 THE MAKING OF . . . "Taipan" Bhg. I
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.46 THE MAKING OF . . . — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 REKASENI
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 REKASENI — sambungan
- 8.05 INSIDE STORY
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 DOKUMENTARI JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN: "Bahagian Pencen-Pencen — I"
- 10.20 FALCON CREST: "Body And Soul"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 30 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WORLD OF SURVIVAL: "Back From The Blue"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TOGETHER WE STAND: "A Chicken In Every Work"
- 6.15 MY LITTLE PONY AND FRIENDS
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA

- 6.46 MY LITTLE PONY AND FRIENDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.43 "Ladies And Gents"
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.48 PERFECT STRANGERS — sambungan
- 8.05 THE FLYING DOCTORS: "Hot Enough For You"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 DARI STUDIO SATU — Siaran Langsung
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Balik Kampung"
- 11.55 THE EVIL TOUCH
- 12.50 SIARAN TAMAT.

AHAD 31 Jan.

PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN
- 9.02 AL-QURAN
- 9.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 9.15 MICKEY AND DONALD: "R'coon Dawg"
- 9.40 THE ADVENTURES OF JEREMY/ COLARGOL (Siri baru)
- 10.00 RAMPAI PAGI
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR: "The Lost Horizon"

Bagaimana seorang diplomat British bersama-sama beberapa orang lain telah diculik dan ke Shangri-La sebuah tempat yang penuh misteri dan kaya dengan kesenian dan kebudayaan. Dalam percubaan untuk melepaskan diri berlakulah beberapa kejadian, suasana tegang dan per-cintaan.

TENGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.36 AZAN ZUHUR
- 12.41 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 1.00 MUSICAL: VARIETE VARIETE

PETANG

- 1.40 BIG LEAGUE SOCCER 1987/88
- 2.40 TAYANGAN GAMBAR
- 3.56 AZAN ASAR
- 4.01 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 4.15 SILVERHAWKS: "The Amber Amplifier"
- 4.45 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
- 5.55 CENTURIONS: "The Better Half" Bhg. I
- 6.20 ONE BIG FAMILY: "Operation Collins" Jake telah menerima panggilan dari Larry Collins, bekas teman kongsi-nya, yang akan menempuhi pembedahan di hospital Miami. Jake merasa takut kalau-kalau dia tidak sempat berjumpa dengan temannya itu, lalu ia pun pergi ke Florida untuk menemuinya.

- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.46 CENTURIONS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DADS: "Especially Thy Father" Rick dan Louie telah menyedari yang mereka telah mengikut jejak langkah ayah mereka masing-masing dalam semua segi terutama dalam membuat keputusan.
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 DADS — sambungan
- 8.05 HOUSTON KNIGHTS: "Scarecrow"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIBURAN MINGGU INI
- 10.45 PETROV AFFAIR (Siri baru)
- 11.35 THE HITCH HIKER: "Nightshift"
- 12.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN 1 Feb.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 RAGGY DOLLS (Siri baru)
ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Melesen Kenderaan Bermotor (Sekolah Mengajar Memandu) akan mengeluarkan Permit bagi mengusahakan Sekolah Mengajar Memandu di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohonkan Permit-permit yang berkenaan.

Selain daripada kehendak di atas, pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :—

- Memiliki Lesen Memandu Brunei yang sah dan telah memandu selama lima tahun dengan tidak memiliki rekod kesalahan lalulintas jalan raya.
- Mempunyai kenderaan yang sesuai untuk digunakan bagi tujuan mengajar memandu.
- Mempunyai bilik yang boleh dijadikan bilik darjah berukuran tidak kurang daripada 10 kaki x 14 kaki dengan dilengkapi alat-alat mengajar yang asas seperti :—

- Meja,
- Kerusi,
- Papan hitam dan lain-lain jika perlu.

- Bersetuju 'menandai' dan mempamerkan nama dan alamat sekolah memandu yang diusahakan di atas plat pipih yang berbentuk bujur empat.

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Daerah Brunei-Muara dan Cawangannya di Kuala Belait. Permohonan-permohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong 2055, dan Cawangan Jabatan Pengangkutan Darat, Kuala Belait 6055 tidak lewat daripada 27 Januari, 1988. Permohonan-permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Syarat-syarat permohonan

- Permohonan adalah terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dikehendaki menyertakan satu salinan sijil pendaftaran "Business Names Enactment 1958 (Seksyen 16 dan Seksyen 17)" atau memorandum and article of association.
- Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengemukakan bukti-bukti yang berupa dokumen atau seumpamanya tentang tempat sekolah memandu, jurulatih-jurulatih dan kenderaan-kenderaan yang akan digunakan.
- Jurulatih-jurulatih memandu mestilah mempunyai pengalaman memandu tidak kurang dari lima tahun dan tidak mempunyai rekod kesalahan-kesalahan bersabit dengan lalulintas jalan raya dalam masa yang dimaksudkan.
- Borang permohonan mestilah diisi dengan lengkap. Jika sesuatu perkara itu tidak berkenaan, tulis "TIDAK ADA" atau "TIDAK BERKENAAN." Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)
(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di-hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 8 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kejuruteraan Awam Kelas "A" untuk:

PROJEK No.: AW517/0409

BEKALAN AIR BANDAR SERI BEGAWAN — PERINGKAT 4 KONTRAK 36C — KOLAM AIR PALAIT DAN WASAN — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Rabu 10 Februari, 1988.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 9 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: 84AB/DTM001

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI DEWAN PERSANTAPAN DAN TEMPAT KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 10 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/01000

MENGHANTAR PERABOT-PERABOT DAN MENYUSUN KE TEMPAT-TEMPAT YANG KHAS UNTUK RUMAH-RUMAH KERAJAAN DAN RUMAH-RUMAH DISEWA KERAJAAN BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, MUARA DAN TUTONG UNTUK TEMPOH SATU TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 11 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/009144

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN DI DALAM BANGUNAN PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 12 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/009145

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA RUMAH KERAJAAN P.W.D. 61A & B, BARIK P.W.D. 66A KE H DAN 67A KE H, PEKAN BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 13 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/009146

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN BALAI POLIS, BARIK-BARIK KELAMIN DAN LAIN-LAIN BANGUNAN DI KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 14 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/009148

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BEKAS SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 15 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/009149

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN PUSAT PEMANCARAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI BERTEMPAT DI DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 16 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" atau kelayakan yang sesuai untuk:

PROJEK No.: 87AW/01800

MEMBEKAL ALAT-ALAT KELENGKAPAN DAN BATANG BESI PEMBERSIH NAJIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Januari, 1988.

Tarikh tutup: 3 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 17 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "A & B" untuk:

PROJEK No.: 87AB/07600

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI KOMPLEKS SUKAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Februari, 1988.

Tarikh tutup: 10 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 18 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AR/00500

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CAT-CAT TANDA JALAN DAN LAIN-LAINNYA KE BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA BAGI TEMPOH DUA TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama,

Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Februari, 1988.

Tarikh tutup: 10 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 19 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 88AB/00901

CADANGAN MEMBAIKI DAN MENGUBAH-SUAI BAHAGIAN PUSAT GURU BESAR DI SEKOLAH ARAB LELAKI, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Februari, 1988.

Tarikh tutup: 10 Februari, 1988.

Cagaran tawaran: \$100.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENERBANGAN AWAM

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk disewa bagi kawasan-kawasan yang disebut di bawah di Lapangan Terbang Antarabangsa:

- a) SEBUAH BILIK KEDAI, besarnya (16 x 10) kaki persegi;
- b) DUA BILIK KEDAI, besarnya (12 x 20½) kaki persegi.

2. Tawaran hendaklah menyebutkan harga sewa bulanan yang dicadangkan dan cara-cara serta cadangan barang-barang yang dijual.

3. Penyewa yang secara kontrak adalah selama dua tahun dan boleh dibaharui secara tawaran terbuka. Kawasan-kawasan tersebut boleh diperiksa pada waktu pejabat biasa dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati dari Pejabat Penolong Pengurus Lapangan Terbang, Bangunan Terminal Lapangan Terbang.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan perkataan "KEDAI SEWA LAPANGAN TERBANG".

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dialamatkan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat Satu
Bangunan Sekretariat
Jalan Elizabeth II
Bandar Seri Begawan 1150,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari 3.00 petang pada hari Rabu 3 Februari, 1988.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

TAWARAN JABATAN TELEKOM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Design And Erection of Self-Supporting Radio Towers and Mast on a Turn-Key Basis.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat 1
Bangunan Sekretariat
Bandar Seri Begawan 1150
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 3.00 petang 2 Mac, 1988.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda:

TENDER FOR THE DESIGN AND ERECTION

OF SELF-SUPPORTING RADIO TOWERS AND MAST ON A TURN-KEY BASIS
Tender No.: JTB/STEE/(P&D)/2/1988.

4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam Kotak Tawaran yang terletak di

Tingkat 4
Bangunan Kementerian Kewangan
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.
Pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup yang dinyatakan.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati dari:—

Ketua Jabatan "C"
Ibu Pejabat Polis
Gadong
Negara Brunei Darussalam.

NOMBOR TAWARAN
001/HQ/1988

1. BULLET — 9 mm
100,000 Rounds
 2. BULLETS — 0.38 Special
200,000 Rounds.
- (Tarikh tutup: 15 Februari, 1988)

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

Bil. Tawaran	Keterangan	Cagaran
DA/TQ/11/88	Membekal dan Menghantar "Trolley"	\$100.00
DA/TQ/12/88	Membekal dan Menghantar "Outboard Engine" 45HP-50HP	\$100.00
DA/TQ/13/88	Membuat dan Menghantar "Perahu Temuai"	\$100.00
DA/TQ/14/88	Membekal dan Menghantar "Pelapik Meja dan Kerusi"	\$100.00

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.
- Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 10 Februari, 1988.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Semua harga tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan tersebut ke Ibu Pejabat, Stor Kementerian Pelajaran, Pejabat-pejabat Daerah Kementerian Pelajaran dan Maktab-maktab/Sekolah-sekolah di mana perlu.
4. Setiap harga tawaran bagi sesuatu barang hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan Cukai Kastam.
5. Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh dan katalog. Jika contoh-contoh itu tidak dapat dimuatkan dalam sampul surat maka hendaklah dihantar ke Bahagian Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam. Kegagalan menyertakan contoh serta mengisi keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.
6. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
7. Syarikat yang berjaya mestilah bersedia membuat pembekalan tambahan apabila diperlukan dengan harga seperti yang ditetapkan. Dari itu tempoh sah harga (price validity) mestilah dalam masa 1 (satu) tahun.
8. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan di tuju kepada :
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

10. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

Selasa-Khamis	8.00 pagi	—	11.00 pagi
	1.30 petang	—	2.30 petang
Isnin-Satu	8.00 pagi	—	10.00 pagi

11. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
12. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Peringatan

1. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
2. Sila alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Dalam hal yang tertentu, Jabatan ini tidak semestinya memberi kesemua tawaran dalam satu tender kepada satu pembekal.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL. : MINDEF/DFP/MTB/22/88

MEMBEKAL : SUIT FLYING LT WEIGHT
Cagaran : \$100.00.

BIL. : MINDEF/DFP/MTB/23/88

MEMBEKAL : BARBED TAPE (SECURITY FENCE)
Cagaran : \$100.00.

Syarat-syarat Tawaran

- a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolklah Garison 3782, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 16 Februari, 1988.
- b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison, Bangunan 150 semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).
- c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolklah Garison, Bangunan 150. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
- d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI DI BANDAR SERI BEGAWAN

BANKRUPTCY NO. 45 OF 1986

Ex-Parte : VANGUARD
GENERAL TRADERS Pemiutang/Pempetisyen
Haji Mohd Ali bin Haji Abang
(Trading under the name and style of

ALIZA ENTERPRISE) Penghutang/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

- (a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 Ogos, 1987.
Nama dan alamat :

Awang Haji Mohd Ali bin Haji Abang
No. 84 Barrack JKR 428
Jalan Setia Diraja
Kuala Belait 6085
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : Petisyen Pemiutang bertarih 19 Januari, 1987.

- (b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- (c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 14 Januari, 1988.

Pegawai Penerima Rasmi
E. T. S. WOOLLEY

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN

TAWARAN BIL. 1/1988

TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal satu (1) unit JENTERA FORK-LIFT CONTAINER 40-42 TON angkatannya.

Forklift tidak ada cukai di Brunei.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah bertutup pada bahagian atas sebelah kiri. Sampul tersebut hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran dan tarikh tutup. Tawaran-tawaran hendaklah di-

alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat Satu, Bangunan SUK Lama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 3 Februari, 1988.

Wang cagaran sebanyak \$300.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang rendah/murah atau sebarang tawaran.)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

TENDER No. JPP/04/1988

"PEMBEKALAN PITA-PITA VIDEO" 1-INCH, 1/2 INCH U-MATIC DAN VHS KASET."

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 14 Mac, 1988.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan bilangan nombor tawaran (Tender Ref: No.) sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut hendaklah didapati daripada Bahagian Rancangan-Rancangan, Tingkat 2, Bangunan RTB, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu pejabat sahaja.

5. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga CIF Brunei (Udara) termasuk cukai (jika berkenaan).

6. Sebutarga (quotation) hendaklah sah sehingga 30 November, 1988.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Tingkat 6, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Februari, 1988 untuk membekalkan :—

"1 UNIT LAND CRUISER LONG WHEEL BASE FOUR WHEEL DRIVE".

Keterangan-keterangan dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Bahagian Pentadbiran, Tingkat 6, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Residency semasa hari-hari bekerja.

Tawaran hendaklah dima-

sukkan ke dalam sampul surat biasa yang bertutup. Di atas penjurong sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan :—

"TAWARAN KERANA MEMBEKALKAN SATU UNIT LAND CRUISER WHEEL BASE FOUR WHEEL DRIVE UNTUK KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN."

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana tawaran atau kepada tawaran yang paling rendah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/TB/9/1988

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF 4 RING ELECTRIC COOKER AND SPARES.

Tarikh tutup : 22 Februari, 1988.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/TB/11/1988

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF PVC PIPE.

Tarikh tutup : 22 Februari, 1988.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN (RADIO TELEVISYEN BRUNEI)

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 14 Mac, 1988 jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan bilangan nombor tawaran (Tender Ref: No.) sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga CIF Brunei (udara) termasuk cukai (jika berkenaan) dan waktu penyerahan (delivery period).
5. Sebut harga (quotation) hendaklah sah sehingga 30 November, 1988.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TENDER No. JPP/05/1988

"ALAT-ALAT MUZIK BAGI KOMBO RTB"

- 1) Violin, lengkap dengan bow, chinrest dan case (conrad Gotz PT. No. 133 full size) 5 Nos.
- 2) Viola, lengkap dengan bow, chinrest dan case (conrad Gotz PT. No. V131) 2 Nos.
- 3) Bb & F Tenor Slide Trombone dan case (King model No. 607F atau 4PF) 1 No.
- 4) Concert Flute dengan case (Armstrong No. 90) 2 Nos.
- 5) Bb Clarinet dengan case (Selmer series 10 S) 1 No.
- 6) Alto Saxophone dengan case (Selmer Super Action 89 Series 11) 1 No.
- 7) Bass Amplifier 100 W (Marshall Model No. 4450) 1 No.
- 8) Bass Guitar dan case (Fender, Jazz bass) 1 No.



Kelolaan Abd. Karim HAB

BELIA & SUKAN

Wang 2,000 ringgit akan disediakan Pemenang 'persatuan contoh' diumumkan Februari '89

PENGIRAN Suhaimi bin Pengiran Wahid, Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara tiga dari kiri hadir dan seterusnya pembukaan Mesyuarat Agung ke-15 Persatuan Kampong Saba (PERKASA) gambar bawah. — Gambar oleh Harun Rashid.



BANDAR SERI BEGAWAN 24 Januari. — Sesuatu kejayaan tidak dapat dicapai hanya dengan bercakap besar tetapi hendaklah disertai dengan kerja keras, di samping semangat, keikhlasan, kejujuran tanpa mengharapkan imbalan dan balasan.

Demikian ditegaskan oleh Yang Dipertua Persatuan Kampong Saba (PERKASA), Awang Jalil bin Haji Bakar selaku pengerusi majlis perasmian Mesyuarat Agung PERKASA kali ke-15 di

Sekolah Rendah Kampong Saba di sini.

Beliau menyeru para pemimpin dan ahli-ahli PERKASA sama-sama meningkatkan mutu kepimpinan dalam menggerakkan jentera persatuan.

"Dalam meringgikan mutu kepimpinan, ahli-ahli persatuan diharapkan tampil ke hadapan kerana masa dan perjalanan PERKASA masih terlalu jauh untuk kita semua mengambil kesempatan memajukan, memperbaiki dan meningkatkan mutu dan produktiviti hasil dari projek dan kegiatan yang dilakukan di musim-musim lalu," tegas beliau.

Selaku Yang Dipertua PERKASA, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai jabatan kerajaan kerana banyak memberikan

Kejayaan dapat dicapai melalui kerja keras

sokongan dan kepercayaan kepada persatuan berkenaan.

Menyentuh mesyuarat agung itu, beliau menegaskan meskipun setiap tahun PERKASA beralih pimpinan tetapi tekad dan lunas-lunas kepimpinan tidak lari dari lunas-lunas kepimpinan beliau yang diamalkan di negara ini.

"Sifat jujur dan amanah, bersemangat dan berdedikasi merupakan pegangan ahli-ahli PERKASA dalam membuat apa jua projek dan kegiatan persatuan sama-sama di bidang keagamaan, sukan, kemasyarakatan atau

kerja-kerja amal, ia tetap dilakukan dengan penuh rasa kepercayaan bahawa setiap apa jua yang dirancang, pasti akan dilaksanakan sehingga menjadi kenyataan," jelasnya.

Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PERKASA bagi tahun 1988/1989 terdiri dari Penasihat, Awang Haji Latip bin Muhammad, Yang Dipertua, Awang Jalil bin Haji Bakar, Naib Yang Dipertua Awang Zulkifli bin Haji Sulaiman, Setiausaha Agung, Awang Zulkifli bin Haji Ladis dan Bendahari Agung, Awang Haji Serbini bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN 24 Januari. — Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara akan memilih sebuah 'persatuan contoh' di Daerah Brunei dan Muara bagi menggalakkan persatuan-persatuan yang hidup segan mati tak mahu di samping persatuan yang sedang maju.

Setiausaha Agung Majlis Belia Brunei (MBB) merangkap Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Wahid ketika mengumumkan perkara itu berkata, pemenang yang akan diumumkan dalam bulan Februari tahun depan itu akan menerima hadiah \$2,000, sebuah replika dan sijil.

"Dalam perancangan Buku Hijau yang dimanifestasikan oleh Naib Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara semasa pemilihan agungnya, salah satu program yang akan dilancarkan ialah persatuan belia/kebahagian yang terbaik di Daerah Brunei dan Muara bagi tahun 1988/1989," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung ke-15 Persatuan Kampong Saba (PERKASA) di Sekolah Rendah Kampong Saba Darat di sini.

Di majlis itu, selaku pemimpin belia, beliau mengulangi seruan agar para belia khususnya di Daerah Brunei dan Muara terus memupuk semangat cinta kepada bangsa dan negara serta taat kepada Allah dan raja yang menjadi landasan dan garis pandu di samping tujuan-tujuan dan dasar-dasar persatuan masing-masing.

"Sebagai bangsa yang sudah merdeka, berdiri di atas kaki sendiri, kita tidak dapat lagi mengharapkan orang lain untuk membimbing kita. Tanya diri kita apa yang harus kita lakukan. Sedangkan pokok lagi berbuah, apa lagi kita manusia," tegas beliau.

Menurut Pengiran Suhaimi, banyak cara untuk kita mencurahkan bakti yang antara lain dengan merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bidang sosio-ekonomi, pelajaran dan kebudayaan, termasuk penyertaan di perhimpunan agung Hari Kebangsaan tidak berapa lama lagi.

Menyentuh soal kepimpinan, tetamu kehormat itu menegaskan, kepimpinan adalah salah satu faktor penting dalam menggerakkan sesebuah persatuan dan badan-badan. Jika kepimpinan tidak kukuh dan teratur, persatuan-persatuan berkenaan akan lemah.

Selain soal kewangan juga perancangan dan kegiatan-kegiatan tertentu, penyertaan ahli-ahli juga perlu diambil perhatian berat oleh pucuk pimpinan.

"Sekiranya keramaian ahli 200 orang, sekurang-kurangnya 150 orang perlu digerakkan kerana jika tidak digerakkan, mereka terutama para belia remaja akan menghadapi kebosanan. Hal ini harus kita jaga kerana tujuan berpersatuan ialah memberi peluang kepada ahli-ahli bergiat cergas dalam kegiatan-kegiatan persatuan. Misalnya yang berminat dalam kebudayaan, akan menyalurkan bakat mereka dalam kebudayaan. Begitu juga di bidang kegiatan-kegiatan sukan," jelas beliau.

Menurutnya, apabila kita berpersatuan, kita bersatu padu, mempunyai satu tekad, tujuan untuk perpaduan yang menjadi punca keamanan dan ketenteraman.

"Kita sekarang menghendaki keamanan dan kesejahteraan. Tanpa keamanan kita tidak akan mencapai kesejahteraan dan hidup damai, aman makmur di negara kita sendiri. Dalam perkara ini para belia memainkan peranan penting memelihara dan menjaga keamanan negara," tegasnya.

Bolasepak tujuh sepasukan

KELAB Bolasepak Real Pena Daerah Tutong akan menganjurkan kejohanan bolasepak tujuh orang sepasukan kali ke-3 sempena menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Menurut jurucakap kelab tersebut kejohanan berkenaan dianjurkan hanyalah terbuka kepada kelab-kelab dan persatuan-persatuan belia yang terdapat di Daerah Tutong sahaja.

Borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh didapati daripada Awang Morni bin Ismail; Sekolah Menengah Kiudang, Awang Sawal bin Mat Jerah, Sekolah Menengah Sufri Bolkihah; Awang Julaihi bin Haji Bakir, Jabatan Pertanian; Awang Yuzri bin Mohd. Yunus, Jabatan Pertanian Birau dan Awang Rafidi bin Md. Jaya, Jabatan Telekom, Tutong.

Tarikh akhir menghantar borang penyertaan ialah pada 7 Februari, 1988.



BERHATI-HATI Kelihatan sebahagian daripada pemain-pemain catur tempatan ketika menyertai kejohanan catur 'Gerak Kilat' yang berlangsung minggu lalu. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Wang Mail juara catur 'Gerak Kilat'

WANG Mail muncul sebagai juara catur 'Gerak Kilat' anjuran Persatuan Catur Brunei yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di ibu negara pada 17 Januari yang lalu.

Naib juara ialah Bernie Abella, manakala tempat ketiga disandang oleh Dennis Mauricio. Seramai 26 orang peserta menyertai kejohanan dua bulan sekali itu.

Sementara itu dalam kejohanan bagi pemilihan Borneo Cup, yang akan berlangsung pada bulan Mac depan juga disandang oleh Wang Mail, tempat kedua disandang oleh Zaini Haji Ali dan tempat ketiga pula ialah Dennis Mauricio.

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 8, 10, dan 15 Januari yang lalu itu disertai oleh kira-kira 30 orang peserta.

"Satu perkara yang kurang manis dalam berpersatuan

Hindarkan dari mengutamakan kepentingan diri sendiri

Ini menurut Yang Berhormat Pehin boleh menjadi punca perpecahan, seperti yang kita baca di surat-surat khabar mengenai adanya dua imam dalam satu masjid bagi mendirikan sembahyang

Oleh Dk. Saidah POA

Yang Berhormat Pehin di samping itu begitu tertarik dengan program persatuan itu bagi tahun ini yang di antara lain untuk menggalakkan anak laki-laki yang berumur

Usaha-usaha seperti itu terang Yang Berhormat Pehin lagi bukan sahaja berfaedah kepada keluarga sendiri



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin ketika berucap di majlis sambutan ke-32 tahun penubuhan Persatuan Ikwaniul Muslimin pada hari itu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Persatuan Ikhwanul Muslimin telah ditubuhkan pada tahun 1950 dan mempunyai keramaian ahlinya yang berdaftar sebanyak 294

Antara tujuan persatuan tersebut ditubuhkan ialah bagi menyatupadukan masyarakat Islam di daerah itu bagi membuat kerja-kerja yang berkebakikan yang meliputi hal-ehwal keagamaan, kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan, ekonomi yang berlandaskan ajaran agama Islam dan seumpamanya.

PASTIKAN PUNYA SURAT KEBENARAN

Ingatan tersebut dikeluarkan oleh Biro Mencegah Rasuah minggu lalu berikutan adanya kes

“Orang ramai adalah diingatkan bahawa seandainya mereka dihubung bagi memberikan derma, mereka seharusnya meminta supaya mereka ditunjukkan satu surat kebenaran daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kerana di bawah undang-undang tiada sesiapa pun dibenarkan untuk menerima atau mendapatkan

Atas kesalahan itu, mahkamah telah menghukum Awang Abu Hanifah dengan dua tahun penjara bagi setiap tuduhan menipu dan satu tahun penjara bagi setiap tuduhan mencuba untuk

Selama kegiatannya, Awang Abu Hanifah telah berjaya menerima antara \$50.00 kepada \$200.00 dari setiap penderita yang kebanyakannya daripada kedai-kedai, syarikat-syarikat dan restoran dalam kawasan Bandar Seri Begawan.

Berjaga dari penyakit kolera

- * Ambil perhatian yang berat tentang kebersihan diri sendiri.
- * Semua air yang diminum hendaklah terlebih dahulu dimasak.
- * Makan makanan segera selepas dimasak.
- * Basuh dengan bersih sayur-sayuran dan buah-buahan yang dimakan secara mentah.
- * Jangan biarkan lalat dan lain-lain serangga menghinggapi makanan.
- * Jangan bawa makanan dari tempat-tempat yang dijangkiti kolera terutama makanan yang sudah dimasak, sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak perlu dimasak dan kerang-kerangan serta udang.
- * Jauhi dari mengunjungi tempat-tempat yang dijangkiti kecuali jika ianya benar-benar diperlukan. Pelawat-pelawat perlu mematuhi semua peraturan-peraturan kebersihan persendirian dan makanan. Kepada mereka yang mengidap penyakit ciri birit masalah berjumpa doktor untuk mendapat rawatan segera.

Sambungan dari muka I

Untuk itu Awang Haji Salim menyarankan kepada pasangan suami isteri supaya mempraktikkan ajaran-ajaran Islam di dalam menerajukan rumahtangga mereka serta bersedia memperbaiki diri masing-masing, dengan itu perasaan cinta kasih sayang di antara keduanya akan berkekalan dan yang pasti Allah akan sentiasa memelihara mereka dari krisis rumahtangga.

Bagi keselamatan kita gunakan tali keledar semasa memandu